

PENGGUNAAN SARUNG TELUR MENTADAK DALAM PERUBATAN TRADISIONAL CINA MENURUT PERSPEKTIF FIQH KEPENGGUNAAN

THE USE OF MANTIDIS OOTHECA IN TRADITIONAL CHINESE MEDICINE ACCORDING TO THE FIQH CONSUMERISM PERSPECTIVE

¹Zubair Amir Nur Rashid & ^{1,*}Nur Mardia Mazri

¹Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: mardya94@gmail.com

Article history:

Submission date: 2 November 2023
Received in revised form: 22 October 2024
Acceptance date: 14 November 2024
Available online: 31 December 2024

Keywords:

Pharmaceutical, mantidis ootheca, mantis, medical, fiqh consumerism

Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Nur Rashid, Z. A., & Mazri, N. M. (2024). Penggunaan sarung telur mentadak dalam perubatan tradisional cina menurut perspektif fiqh kepenggunaan. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(3), 739-761. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no3.616>



© The authors (2024). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

Consumer jurisprudence is a branch of the broad jurisprudential debate covering the utilization and use of all natural resources and their contents. Traditional Chinese Medicine as an alternative medicine uses natural resources as a source of medicine. The *Mantidis Ootheca* in Traditional Chinese Medicine is a substance that comes out through a special accessory gland on the abdomen of the mantis mother and then produces a foamy and hardened structure like polystyrene. It is believed to have various benefits including treating cloudy urine, kidney health, helping in treating Benign Prostatic Hyperplasia (BPH) and others. However, there is an issue involving the status of the *Mantidis Ootheca* from the perspective of Islamic law since the egg case is produced from the liquid that comes out through the mantis stomach. The focus of this paper was to clarify the Islamic legislation regarding the use of *Mantidis Ootheca* in the manufacture of pharmaceutical products from the standpoint of the consumer jurisprudence discussion. The researcher utilized a qualitative method by referring to books of fiqh and *usul fiqh* to find out the law of using *Mantidis Ootheca* in products and the liquid flowing from its stomach in medicine. This study emphasize on analyzing the application of *rukhsah* and *istihalah* in medicine in unraveling the problem of treatment using *Mantidis Ootheca*. Standards from halal authorities such as the Department Standards of Malaysia are also reviewed for pharmaceutical manufacturing rules including the requirement of safety assessment. Meanwhile, the researcher also consulted scientific studies to know the benefits, uses and side effects of *Mantidis Ootheca* in the medical field. According to the study's findings, the use *Mantidis Ootheca* in medicine is not halal since they are tainted with impurities (*najāsah*). The egg case that come from mantis are considered disgusting, according to scholars, and should not be eaten. Still, its use in pharmaceuticals needs to be evaluated from the perspective of medical jurisprudence by looking at its level of need in the field. Until now, its use is not reached to an emergency demand as there are still alternative treatments for the related diseases. Frequently it has been consumed as a health supplement rather than the primary component in medications. It also does not meet the safety standards determined by the jurists and according to the MS 2424: 2019 ruling based on current research showing that there is no comprehensive report on toxicity aspects and adverse side effects to users. The study of the pharmaceutical industry should continue to be pioneered by Muslims to ensure the use of halal ingredients in medicine.

ABSTRAK

Fiqh kepenggunaan merupakan suatu cabang daripada perbincangan ilmu fiqh yang luas meliputi pemanfaatan dan penggunaan segala sumber alam dan seisinya. Perubatan Tradisional Cina sebagai suatu perubatan alternatif banyak mengambil sumber alam semula jadi sebagai sumber perubatan. Sarung telur mentadak atau *Mantidis Ootheca* dalam Perubatan Tradisional Cina ialah suatu bahan yang keluar melalui kelenjar aksesori khas pada perut ibu *mantis* seterusnya menghasilkan sebuah struktur berbuih dan mengeras seperti polisterin. Ianya dipercayai mempunyai pelbagai khasiat antaranya merawat air kencing yang keruh, kesihatan ginjal, membantu dalam merawat *Benign Prostatic Hyperplasia* (BPH) dan lain-lain. Namun, timbul isu melibatkan status sarung telur tersebut dari perspektif hukum Islam memandangkan sarung telur itu terhasil daripada cecair yang keluar melalui perut serangga. Kertas ini ditulis bertujuan menjelaskan hukum penggunaan sarung telur mentadak dalam perubatan menurut perspektif perbincangan fiqh kepenggunaan. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menjadikan kitab-kitab fiqh, usul fiqh dan fatwa-fatwa di Malaysia sebagai rujukan bagi mengetahui hukum penggunaan mentadak dan cecair yang keluar dari perut mentadak dalam perubatan. Kajian ini juga menumpukan analisis terhadap aplikasi konsep darurat dan *istihalah* dalam perubatan dalam merungkai permasalahan rawatan menggunakan sarung telur mentadak. Piawaian badan halal berautoriti seperti Jabatan Standard Malaysia turut diteliti untuk mengetahui peraturan dalam penghasilan produk farmaseutikal termasuk aspek penilaian keselamatan yang perlu dipatuhi. Selain itu, pengkaji turut merujuk kajian-kajian saintifik untuk mengetahui khasiat, kegunaan serta kesan sampingan telur mentadak dalam bidang perubatan. Hasil kajian mendapati penggunaan telur mentadak adalah tidak halal kerana mengandungi unsur najis. Telur yang keluar daripada serangga dianggap suatu yang menjijikkan menurut pandangan ulama serta tidak boleh dimakan. Walau bagaimanapun, penggunaannya dalam perubatan perlu dinilai dari perspektif fiqh perubatan dengan melihat tahap keperluannya dalam bidang tersebut. Sehingga kini, penggunaannya tidak mencapai tahap darurat kerana masih terdapat rawatan alternatif bagi penyakit-penyakit yang berkaitan. Malah penggunaan *Mantidis Ootheca* dalam farmaseutikal hanya melibatkan unsur tambahan yang membantu aspek kesihatan dan bukannya sebagai ramuan utama dalam penghasilan sesuatu ubat-ubatan. Ia juga tidak menepati piawaian keselamatan yang digariskan oleh fuqaha dan ketetapan MS 2424:2019 berdasarkan kajian semasa yang menunjukkan tiada laporan yang tuntas mengenai aspek toksikologi dan kesan sampingan berbahaya kepada pengguna. Kajian terhadap industri farmaseutikal ini sewajarnya terus dipelopori oleh umat Islam bagi memastikan penggunaan bahan yang halal dalam perubatan.

Pengenalan

Perubatan telah mengalami perkembangan yang pesat sama ada dalam bidang teknologi mahupun penggunaan bahan. Islam telah meletakkan garis panduan umum dalam penggunaan bahan termasuk dalam penghasilan ubat-ubatan yang terangkum dalam Fiqh Kepenggunaan (Sungit & Mohd Deni, 2022). Fiqh kepenggunaan merujuk kepada penggunaan sesuatu benda, manfaat, barangan dan perkhidmatan oleh seseorang yang memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh syarak untuk memenuhi keperluan hidupnya. Fiqh ini mengandungi beberapa kerangka asas yang akan menjadi panduan dalam perbincangan artikel ini antaranya ialah memperluas perkara harus, menyempitkan perkara haram dan mengaplikasi prinsip kemudahan (*rukhsah*) ketika kesulitan (Mahaiyadin & Osman, 2017).

Topik perbincangan sarung telur mentadak atau *Mantidis Ootheca* dalam Perubatan Tradisional Cina (TCM) dipilih kerana perbincangannya belum disentuh secara spesifik oleh mana-mana kajian berdasarkan dapatan penulis. Walaupun penggunaannya belum meluas dalam kalangan umat Islam, TCM sudah sekian lama mengambil manfaat daripada bahan ini dalam perubatan herba untuk merawat penyakit-penyakit tertentu (NCCIH, 2019). Memandangkan sumber ambilan *Mantidis Ootheca* adalah daripada perut mentadak (ibu mantis), terdapat beberapa isu syariah yang memerlukan perhatian yang akan dibincangkan dalam artikel ini.

Mantidis Ootheca mempunyai banyak khasiat dan telah digunakan dalam bidang perubatan herba tradisional di negara Asia Timur seperti Cina dan Korea (Korea Institute of Oriental Medicine, 2019). Ia dipercayai boleh merawat penyakit berkaitan masalah ginjal, paru-paru dan masalah air kencing yang keruh (Kim *et al.*, 2006). *Mantidis Ootheca* turut dilaporkan mempunyai pelbagai aktiviti biologi termasuk anti radang, antidiuretik, antikanser, dan antioksidan serta kesan relaksan vaskular (*vascular*

relaxant effect) (Tan *et al.*, 1997). Namun timbul persoalan mengenai hukum penggunaan *Mantidis Ootheca* dalam perubatan menurut perspektif syariah kerana ia dianggap bahan bernajis berdasarkan tempat keluarnya menerusi perut serangga. Demikian, artikel ini dirangka bertujuan untuk mengkaji hukum menggunakan sarung telur mentadak dalam TCM serta meneliti aspek syariah berkaitan hukum menggunakan najis untuk tujuan perubatan.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan kaedah kualitatif yang melibatkan metode pengumpulan data melalui kajian kepustakaan iaitu merangkumi buku-buku fiqh dan usul fiqh, kajian berkaitan produk halal dan fiqh kepenggunaan serta garis panduan halal berautoriti yang dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia seperti MS 2424:2019 dan *National Pharmaceutical Regulatory Agency* (NPRA). Kajian ini turut merujuk fatwa-fatwa di Malaysia dan luar negara berkaitan penggunaan bahan bernajis dalam perubatan bagi menunjukkan kepentingan kajian ini di peringkat tempatan dan global. Selain itu, ia juga meneliti aplikasi konsep darurat dan *istihalah* dalam konteks perubatan. Data-data tersebut dianalisis melalui kaedah induktif, deduktif, analisis kandungan dan tematik. Manakala, skop kajian ini memfokuskan kepada analisis hukum penggunaan *Mantidis Ootheca* dalam TCM. Manakala, *Mantidis Ootheca* dipilih kerana penggunaannya yang popular dan dianggap berkesan dalam TCM. Ia turut digunakan dalam perubatan moden dan terdapat kajian saintifik yang menunjukkan manfaatnya. Walau bagaimanapun terdapat beberapa isu dalam penggunaannya iaitu melibatkan kesan sampingan yang belum dikaji secara meluas dan dibuktikan secara tuntas melalui kajian saintifik (Lim *et al.*, 2019).

Dapatan Kajian

Latar Belakang *Mantidis Ootheca*

'*Ootheca*' atau '*oothecae*' ialah jisim telur yang dihasilkan oleh beberapa kumpulan serangga yang berbeza iaitu antaranya mentadak dan lipas. *Oothecae* mengandungi banyak telur di dalamnya dengan penutup luar sebagai pelindung (Amateur Entomologists' Society, 1999). '*Mantidis*' pula merujuk kepada keluarga *Mantidae* seperti *Tenodera Angustipennis Saussure*, *Hierodula Patellifera Serville*, *Statilia Maculate Thunberg* dan *Tenodera Sinensis Saussure* (Committee, N. P., 2015). Ia berasal daripada *mantis* (mentadak) iaitu sejenis serangga dalam susunan *Mantodea* dan memiliki segmen-segmen badan seperti mana serangga yang lain. Umumnya, *Mantidis Ootheca* adalah merujuk kepada selubung telur yang dihasilkan oleh serangga jenis mentadak (Amateur Entomologists' Society, 1999).

Selubung telur tersebut mempunyai bentuk seperti silinder atau separuh bulatan dan terdiri daripada banyak lapisan membran yang mempunyai panjang sekitar 2.5 hingga 4 cm dan lebar 2 hingga ke 3 cm. Permukaannya berwarna antara kuning ke coklat muda, tonjolan berbentuk pita atas tidak jelas dan permukaan bawahnya rata atau berlekuk. Lapisan dalamnya pula terdiri daripada banyak ruang kecil yang disusun secara berseri (Amateur Entomologists' Society, 1999).

Mantidis Ootheca atau turut dikenali sebagai ovum *mantis* dihasilkan melalui kelenjar aksesori khas pada perut ibu *mantis* dalam proses pembiakan dan seterusnya menghasilkan struktur berbuih dan mengeras seperti polisterin. Ketika ibu *mantis* ingin bertelur, ia akan menghasilkan cecair yang kemudiannya mengeras dan membentuk selubung telur. Kesemua telur yang dihasilkan akan disimpan dalam *ootheca* (selubung telur) yang mana *ootheca* boleh menyimpan hampir 200 biji telur pada satu-satu masa. *Ootheca* berfungsi untuk melindungi telur daripada pemangsa semula jadi dan keadaan cuaca yang buruk sehingga telur tersebut menetas (Kramer, 1973). Ia dijumpai di kebanyakan kawasan di negara Cina dan dikutip pada penghujung musim luruh sehingga ke musim bunga. Ia diproses dengan cara dikukus atau dijemur di bawah matahari untuk memastikan kesemua telur dalam sarung mati. Sarung telur yang berkualiti boleh dikenali dengan ciri-ciri tertentu antaranya kering, utuh, tidak menetas, kuning, ringan, keras dan tidak kotor (Insektenliebe, 2018).

Penggunaan Mantidis Ootheca dalam Perubatan Tradisional Cina (TCM)

TCM adalah salah satu disiplin perubatan tertua di dunia (Thomas *et al.*, 2021) dan telah memberi sumbangan yang signifikan kepada kesihatan dan penjagaan perubatan manusia (Xue, 2015). TCM adalah sistem penjagaan kesihatan perubatan yang merangkumi pelbagai ubat tradisional. TCM telah lama diakui di negara-negara Asia seperti Jepun, Korea, Vietnam, dan Malaysia kerana asasnyanya yang kukuh dan keberkesanan klinikalnya (Xu, 2014).

Konsep utama TCM ialah tubuh manusia mengatur dirinya sendiri untuk mencapai keadaan keseimbangan antara semua bahagiannya. Mekanisme pengawalan ini kadang-kadang menjadi tidak seimbang, memerlukan bantuan luar untuk memulihkan keseimbangan. Dalam TCM, dipercayai bahawa setiap individu adalah berbeza dan memerlukan gabungan herba dan makanan yang unik untuk memastikan tubuh yang sihat. Pengamal TCM percaya bahawa setiap badan manusia mempunyai kemampuan penyembuhan semula jadi. Dalam hal ini rawatan perubatan hanya memberikan bantuan kepada kemampuan penyembuhan tersebut (Jiang, 2021).

Rawatan dalam TCM terutamanya berkisar pada konsep tenaga, atau Qi (Kochling, 2022). Mengikuti kepercayaan perubatan Cina, kesihatan dipengaruhi oleh tidak keseimbangan unsur *Yin* dan *Yang* dalam tubuh (Joyre, 2021). *Yin* ialah unsur yang berkaitan dengan kegelapan, feminin, unsur sejuk dan pergerakan ke dalam. *Yang* pula dikaitkan dengan unsur cahaya, tindakan, panas dan pergerakan ke luar (Wang, 2019). TCM terdiri daripada tiga unsur utama iaitu penggunaan herba, kerohanian dan pemakanan (Quoquab, 2023). Antara rawatan daripada herba yang popular dalam perubatan Cina ialah *Mantidis Ootheca*.

Penggunaan *Mantidis Ootheca* dalam TCM ada direkodkan dalam *Shen Nong Ben Cao Jing* (Yang, 1998). Berdasarkan Farmakope Cina, *Mantidis Ootheca* yang digunakan dalam TCM terdiri daripada tiga jenis yang utama iaitu *Tuanpiaoxiao*, *Changpiaoxiao*, dan *Heipiaoxiao* yang mana ia sepadan dengan spesies mantis jenis *Tenodera Sinensis*, *Statilia Maculate*, dan *Hierodula Patellifera* (Committee, 2015). *Mantidis Ootheca* merupakan salah satu rawatan herba semula jadi dalam Perubatan Tradisional China kerana ia tidak diproses tetapi hanya dibakar dalam air garam sebelum dibungkus untuk dijual (Wikipedia, 2023). Ubat *Mantidis Ootheca* biasanya dijual dalam bentuk asal iaitu sarung telur yang telah dibersihkan dan dikeringkan. Namun, selaras dengan perkembangan zaman ia turut dijual dalam bentuk serbuk (*granule*) yang dihasilkan melalui teknologi moden. Ia mempunyai rasa yang manis, masin dan bersifat neutral (Dharmanand, 2004).

Berdasarkan amalan Perubatan Tradisional Cina, *Mantidis Ootheca* mempunyai banyak khasiat terutamanya dalam merawat penyakit berkaitan jantung, paru-paru dan buah pinggang seperti penyakit inkontinens, sakit pinggang, *spermatorrhea*, *acidosis* (keasidan), kegagalan buah pinggang, dan *leukorrhea* (Kim *et al.*, 2006). Ia juga dikaitkan dengan unsur yang dipercayai boleh memelihara tenaga dalam tubuh dan mengurangkan masalah kekerapan kencing. Selain itu, *Mantidis Ootheca* dipercayai digunakan untuk merawat masalah kesuburan lelaki sejak sekian lama. Di samping itu terdapat beberapa kajian saintifik yang menunjukkan manfaat penggunaan *Mantidis Ootheca* dalam bidang perubatan moden. Antaranya ia mempunyai pelbagai aktiviti biologi termasuk anti radang, antidiuretik, antikanser, dan antioksidan serta kesan relaksan vaskular (*vascular relaxant effect*) (Tan *et al.*, 1997). *Mantidis Ootheca* juga dilaporkan mengandungi derivatif N-acetyldopamine yang mempunyai aktiviti antioksidan yang tinggi (Ryu *et al.*, 2021).

Kajian moden turut menunjukkan bahawa *Mantidis Ootheca* yang digunakan dalam perubatan ialah merujuk kepada *ootheca* yang telah dikeringkan iaitu daripada jenis *Hierodula Patellifera*, *Tenodera Angustipennis* and *Statilia Maculate* (Ryu *et al.*, 2021). Di samping itu, hasil penyelidikan daripada pangkalan data elektronik Sistem Bersepadu Carian Lanjutan Perubatan Oriental (OASIS) juga telah menunjukkan bahawa *Mantidis Ootheca* telah digunakan sebagai ubat yang berkesan dalam merawat kemandulan dan ejakulasi pramatang. Kajian farmakologi turut melaporkan bahawa *Mantidis Ootheca* boleh meningkatkan indeks testis dan kelenjar timus serta memberikan kesan antidiuretik, dan menurunkan peroksidasi lipid dalam hati tikus hiperkolesterolemia (Tan *et al.*, 1997).

Jadual 1. Kelebihan *Mantidis Ootheca* dalam TCM dan berdasarkan kajian saintifik (Tan *et al.*, 1997)

Kelebihan <i>Mantidis Ootheca</i>		
Perubatan Tradisional Cina	Kajian Sainifik	
Merawat penyakit jantung	Ejen Anti Radang	Ejen anti radang diperlukan untuk mengatasi kesakitan dan tindak balas imun yang tidak dikehendaki atau tidak normal dengan menurunkan keradangan.
Merawat penyakit paru-paru	Ejen Antidiuretik	Ejen antidiuretik diperlukan untuk meningkatkan proses pengeluaran air kencing dari tubuh.
Merawat buah pinggang seperti <ul style="list-style-type: none"> • Inkotinens (kegagalan mengawal pundi kencing) • Sakit pinggang • <i>Spermatorhea</i> (ejakulasi air mani tanpa rangsangan) • <i>Acidosis</i> (proses yang menyebabkan peningkatan keasidan dalam darah dan tisu-tisu badan) • Kegagalan buah pinggang 	Ejen Antikanser	Ejen antikanser diperlukan untuk mengurangkan risiko atau mencegah kanser daripada berlaku.
Memelihara tenaga dalam tubuh	Ejen Antioksidan	Ejen antioksidan diperlukan untuk melindungi minyak kastor daripada proses pengoksidaan
Mengurangkan kekerapan kencing	Melakukan aktiviti <i>relaxant vascular</i>	<i>Relaxant vascular</i> ialah proses pengembangan salur darah yang berfungsi untuk meningkatkan pengaliran darah ke sel tisu dalam tubuh badan
Merawat kemandulan dan ejakulasi pramatang	Mengandungi derivatif <i>N-acetyldopamine</i>	Mempunyai aktiviti antioksidan yang tinggi

Meskipun demikian, walaupun penggunaan *Mantidis Ootheca* sangat meluas dalam bidang perubatan serta telah disahkan manfaatnya melalui kajian saintifik, namun setakat ini belum ada kajian yang mendalam mengenai aspek keselamatan dan kesan sampingannya yang berbahaya (*adverse side effect*) akibat penggunaannya telah dilaporkan (Lim *et al.*, 2019). Kajian awal terhadap tikus uji kaji juga menunjukkan kesan yang bahaya untuk digunakan ke atas tubuh manusia atau haiwan (Lim *et al.*, 2019). Justeru penggunaan *Mantidis Ootheca* dalam bidang TCM mahupun perubatan moden masih perlu diteroka untuk memastikan aspek keberkesanan dan pengurusan risiko keselamatan bahan dipatuhi dengan sebaiknya.

Perbincangan Hukum Sarung Telur Mentadak dalam Fiqh

Seperti mana yang telah dijelaskan, isu penggunaan sarung telur mentadak dalam perubatan ini adalah sebahagian daripada perbahasan fiqh kepenggunaan. Bagi mengenal pasti hukum penggunaan *Mantidis Ootheca* dalam bidang perubatan, penulis akan memulakan perbahasan mengenai hukum memakan serangga, status cecair yang keluar daripada perut serangga serta hubung kaitnya dengan *Mantidis Ootheca* menurut perspektif hukum Islam.

Hukum Memakan dan Memanfaatkan Mentadak Menurut Perspektif Fiqh

Kajian mengenai serangga dalam ilmu sains dikenali sebagai ilmu entomologi (*entomology*). Ilmu ini membicarakan tentang serangga serta kaitannya dengan manusia, alam sekitar dan mikroorganisma yang lain. Mentadak atau nama saintifiknya *praying mantis* ialah sejenis serangga pemangsa unik dari kumpulan *matodea* (Amateur Entomologists' Society, 1999). Menurut ilmu *entomology*, terdapat beberapa perbezaan antara mentadak dengan belalang sehingga menyebabkan *mentadak* tidak boleh dikategorikan sebagai belalang yang dimaksudkan oleh Nabi SAW dalam hadis. Meskipun kedua-dua

mentadak dan belalang termasuk dalam kumpulan serangga, mereka sebenarnya berasal daripada keluarga yang berbeza. Mentadak tergolong dalam keluarga *Mantidae*, manakala belalang tergolong dalam keluarga *Acrididae*. Perbezaan utama antara keduanya terletak pada bentuk badan, gaya hidup, dan perilaku (Encyclopaedia Britannica, 2024).

Serangga terbahagi kepada dua iaitu serangga yang tidak mempunyai darah seperti labah-labah, semut dan lebah serta serangga yang mempunyai darah yang mengalir seperti ular, mengkarung, dan siput babi (Dahaman & Mohd Yusof, 2024). Dalam hal ini mentadak adalah termasuk dalam kategori serangga yang tidak mempunyai darah mengalir. Serangga (*al-hasharat*) merupakan haiwan yang tidak dijelaskan hukumnya secara jelas daripada dalil *qat'i*. Menurut Mohd Safian (2019) terdapat sebelas prinsip halal, haram dan syubhah dalam industri halal. Antara prinsip tersebut ialah hukum asal bagi sesuatu perkara ialah harus sehingga wujud petanda (*qarinah*) yang mengharamkannya (Al-Suyuti, 2011). Berkenaan isu serangga, terdapat dua pandangan ulama mengenai hukum memakan serangga iaitu haram mengikut pandangan jumhur fuqaha (Al-Kasani, 2015, Al-Nawawi, 2010 & Al-Buhuti 2003) dan harus mengikut pandangan mazhab Maliki (Al-Hattab, 2003). Ulama mazhab Maliki berpendapat bahawa semua jenis serangga adalah harus dimakan selagi mana tidak memudaratkan manakala sebahagian ulama mazhab Maliki mengecualikan tikus daripada keharusan ini (Al-Hattab, 2003).

Sementara itu, jumhur fuqaha daripada mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali mengatakan semua jenis serangga adalah haram dimakan. Perkara ini dinyatakan oleh Al-Kasani (2015), Al-Nawawi (2010) dan Al-Buhuti (2003). Mereka berhujah bahawa serangga haram dimakan kerana dikategorikan sebagai haiwan yang buruk atau jijik (*al-khabā'ith*) (Al-Nawawi, 2010). Sumber ambilannya ialah daripada nas ayat al-Quran:

Terjemahan: Dan (Allah) mengharamkan keatas mereka segala benda yang buruk (seperti bangkai).

(Surah Al-A'rāf, 7:157)

Berdasarkan ayat ini, Al-Nawawi (2010) menyebutkan bahawa tidak dibolehkan (haram) untuk memakan serangga seperti ular, kala jengking, tikus, kumbang, labah-labah, cicak, cacing, kutu dan kayu kerana ia adalah termasuk dalam perkara yang buruk berdasarkan ayat al-Quran yang telah disebutkan di atas.

Fuqaha Syafiiyyah mengharamkan semua kelompok serangga (*al-hasyarat*) baik haiwan yang melata di bumi mahupun yang berterbangan di udara seperti nyamuk, lalat, tebuhan, cengkerik, pacat, tikus, ular, kala jengking, lipas, penyengat, lipan dan seumpamanya. Hal ini kerana jumhur fuqaha bersepakat menyatakan bahawa serangga termasuk kategori *al-khabā'ith* (Qalyubi & 'Umairah, 2015). Ia turut merangkumi kelompok serangga yang pelbagai seperti pepijat, semut, ulat dan sebagainya (Zadah & Ahmad, 2002).

Menurut Al-Nawawi (2010), lafaz atau ciri-ciri yang menunjukkan maksud jijik adalah merujuk kepada pandangan dan cita rasa kaum Arab (*istikhbath al-Arab*). Di samping itu, terdapat hadis-hadis lain yang menyokong pandangan ini seperti hadis yang menganjurkan seseorang untuk membunuh serangga atau haiwan yang mempunyai sengat yang berbisa. Antaranya sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah R.A, Nabi SAW pernah bersabda:

Terjemahan: Terdapat lima jenis binatang boleh dibunuh walaupun di tanah haram (digelar binatang fasiq) iaitu burung gagak, burung helang, kala jengking, tikus dan anjing liar.

(Sahih Muslim, 2000, Hadis 1198)

Namun, terdapat beberapa pengecualian bagi serangga yang boleh dimakan iaitu belalang kerana ia telah disepakati secara kolektif (*ijmak*) oleh para sahabat berdasarkan hadis:

Terjemahan: Dihalalkan kepada kalian semua dua jenis bangkai dan dua jenis darah. Adapun dua bangkai tersebut ialah ikan dan belalang, manakala dua jenis darah ialah hati dan limpa.

(Sunan Ibn Majah, 2007, Hadis 3314)

Selain itu, mazhab Syafie dan Hanbali turut mengharuskan *dhab* iaitu seekor biawak padang pasir (Al-Syarbini, 2006) yang mana berbeza dengan pendapat mazhab Hanafi yang mengharamkannya (Al-Kasani, 2015). Oleh itu, menurut pandangan mazhab Syafie, semua jenis serangga sama ada yang melata di bumi seperti kala jengking atau yang berterbangan seperti kumbang dan lalat adalah termasuk dalam kategori menjijikkan (*al-khabaith*) dan haram untuk dimakan atau dimanfaatkan untuk tujuan-tujuan yang lain. Bahkan berdasarkan uruf di Malaysia penggunaan serangga sebagai bahan utama dalam makanan atau minuman adalah dianggap menjijikkan seperti anai-anai atau mentadak yang dimasak secara bakar atau panggang (Jamaludin *et al.*, 2014). Berdasarkan pandangan yang telah dinyatakan, hukum memakan mentadak adalah diharamkan di sisi jumhur fuqaha melainkan pandangan mazhab Maliki sahaja yang mengharuskannya. Analisis ini disokong oleh fatwa dan *irsyad* hukum yang dikeluarkan oleh beberapa jabatan mufti negeri. Sebagai contoh, Fatwa Negeri Sarawak mengharamkan pemakanan ulat mulong kerana ia dianggap menjijikkan berdasarkan uruf setempat (Jabatan Mufti Sarawak, 2012). Selain itu, Jabatan Mufti Negeri Selangor (2020) melalui kolum *tawdih al-ahkam* juga menyatakan bahawa hukum memakan cengkerik adalah haram kerana sifatnya yang dianggap menjijikkan. Begitu juga, Jabatan Mufti Negeri Sembilan (1970) menerusi soal jawab agama berpendapat bahawa memakan kumbang Mekah adalah haram disebabkan sifatnya yang kotor dan menjijikkan.

Jadual 2. Analisis Hukum Memakan dan Memanfaatkan Mentadak Menurut Fuqaha (Al-Kasani, 2015; Al-Nawawi, 2010; Al-Buhuti 2003 & Al-Hattab, 2003)

Hukum Memakan Mentadak Menurut Fuqaha			
Mazhab	Hukum	Dalil	Nota
Hanafi Syafie Hanbali	Haram	Berdasarkan lafaz <i>al-khabaith</i> yang menunjukkan serangga termasuk dalam kelompok haiwan yang menjijikkan	Mazhab Syafie dan Hanbali mengecualikan <i>dhab</i> (biawak padang pasir) dalam pengharaman ini
Maliki	Harus	Berdasarkan prinsip asal bahawa sesuatu perkara adalah diharuskan selagi mana tidak mendatangkan mudarat kepada tubuh badan	Mazhab Maliki mengecualikan tikus dalam keharusan ini kerana dianggap boleh mendatangkan bahaya
<i>Tarjih</i>	Pengharaman memakan dan memanfaatkan mentadak berdasarkan pandangan jumhur fuqaha mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali		Justifikasi: Kekuatan hujah pandangan jumhur fuqaha. Uruf di Malaysia yang menganggap mentadak adalah haiwan yang menjijikkan

Keharaman memakan serangga adalah disebabkan sifatnya yang kotor dan menjijikkan. Namun dari perspektif bangkai serangga yang tidak mengalirkan darah, jumhur fuqaha mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali menghukumkan bangkai serangga jenis ini adalah suci (Al-Kasani, 2015; Al-Hattab; 2003 & Al-Buhuti 2003) dan seterusnya boleh dimanfaatkan dalam industri makanan mahupun farmaseutikal (Dahaman & Mohd Yusof, 2024). Sebaliknya, mazhab Syafie tetap menghukumnya sebagai najis dan tidak boleh digunakan dalam ramuan makanan atau ubatan (Al-Nawawi, 2010).

Dalam isu ini, fatwa semasa ada membincangkan mengenai penggunaan bangkai dalam industri makanan dan perubatan iaitu antaranya penggunaan kumbang *cochineal* dalam produk makanan dan terapi larva untuk tujuan perubatan. Penggunaan kumbang *cochineal* menjadi polemik dan diperselisihkan berdasarkan keputusan fatwa semasa melibatkan tiga negara asean khususnya, seperti yang dihuraikan oleh Mohd Salleh *et al.*, (2020). Pandangan negara Brunei melalui *irsyad hukumnya* memilih pendekatan untuk mengharamkan penggunaannya kerana berpegang kepada pandangan mazhab Syafie dan disebabkan terdapat risiko keselamatan produk berdasarkan kajian mereka (Pelita Brunei, 2015). Keputusan ini adalah selari dengan pandangan Fatwa Wilayah Persekutuan yang turut mengharamkan penggunaan serbuk cengkerik sebagai sumber makanan protein, bersandarkan pandangan mazhab Syafie yang melarang memakan serangga yang tidak mengalirkan darah (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2023). Sebaliknya, fatwa Indonesia (2011), keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan (2012), Jabatan Mufti Negeri Pahang (2013), dan Jabatan Mufti Negeri Selangor (2014) membolehkan penggunaan bahan tersebut berdasarkan pandangan jumhur fuqaha yang mengharuskannya. Hal ini didasarkan pada aspek pematuhan keselamatan, seperti yang diperakui dalam MS 2424:2019 (*Department of Standard Malaysia*, 2019), serta peluang dan manfaat yang besar kepada industri makanan.

Selain itu, dari segi perubatan, terdapat rawatan yang memanfaatkan terapi larva untuk merawat penyakit luka kronik. Menurut Jabatan Mufti Negeri Selangor (2023), penggunaan terapi larva (*Manggot debridement Therapy*) untuk pesakit dengan luka kronik adalah dibenarkan. Fatwa ini juga menegaskan bahawa solat yang dilakukan oleh pesakit semasa menjalani rawatan tersebut adalah sah, berdasarkan panduan pelaksanaan ibadah bagi pesakit. Pandangan ini selaras dengan keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan (2012) yang juga membenarkan terapi ini dan menyatakan kesahan ibadah semasa proses terapi. Keharusan ini berlandaskan hukum bangkai haiwan yang tidak mengalir darah dianggap suci menurut pandangan jumhur fuqaha. Oleh itu, jika larva yang digunakan dalam rawatan mati, ia tetap suci dan tidak mengganggu kesucian ibadah pesakit (Adnan *et al.*, 2023). Tambahan pula, pesakit luka kronik dibenarkan untuk bertayamum sebagai pengganti bagi mengangkat hadas besar atau kecil, terutamanya bagi mereka yang tidak mampu bersuci dengan air, demi mengelakkan mudarat pada anggota tubuh yang terjejas (JAKIM, 2015).

Demikian, dalam isu ini, dapat dilihat perbezaan pandangan yang wujud dalam fatwa adalah bertitik tolak daripada perbezaan pandangan fuqaha mengenai isu kesucian bangkai serangga yang tidak mengalir darah. Daripada aspek lain, isu keselamatan dan kepentingan awam turut dipertimbangkan dalam menghasilkan resolusi dan fatwa semasa. Justeru, amat penting bagi pihak berautoriti menilai aspek hukum, kepentingan awam dan keselamatan produk sebelum menghasilkan sebarang resolusi fatwa. Justeru, Secara umum, jumhur fuqaha berpendapat bahawa bangkai serangga yang tidak mengalir darah, seperti mentadak, dianggap suci. Walau bagaimanapun, menurut mazhab Syafie, bangkai mentadak tetap dianggap najis, kerana menurut mereka, semua jenis bangkai adalah najis kecuali ikan dan belalang.

Status Cecair yang Keluar daripada Mentadak

Status cecair yang keluar daripada serangga adalah berbeza berdasarkan tempat keluarnya iaitu sama ada daripada zahir anggota haiwan akibat lembapan seperti peluh, hingus dan air liur atau melalui perut dan rongga kemaluan. Perkara ini diperincikan oleh ulama berdasarkan tempat keluarnya, sama ada dari bahagian zahir anggota haiwan atau melalui rongga kemaluan. Al-Nawawi (1991) menukilkan dalam masalah ini:

Terjemahan: Cecair yang terpisah daripada bahagian dalaman haiwan terbahagi kepada dua jenis. Pertama, cecair yang tidak mengalami proses pengumpulan dan perubahan di dalam perut, di mana ia hanya sekadar meresap keluar seperti air liur, air mata, peluh, dan hingus. Hukum bagi cecair jenis ini bergantung kepada status haiwan yang mengeluarkannya; jika haiwan tersebut dihukumkan najis, maka cecair itu juga najis, dan jika haiwan itu suci, maka cecair tersebut juga suci. Kedua, cecair yang mengalami proses pengumpulan dan perubahan di dalam perut haiwan sebelum keluar, seperti darah, kencing, tahi, dan muntah. Semua cecair jenis ini dihukumkan sebagai najis, tanpa mengira sama ada ia keluar daripada haiwan yang boleh dimakan atau tidak.

(Al-Nawawi, 1991)

Dalam kitab *al-majmu'*, Al-Nawawi (2010) menjelaskan lebih lanjut mengenai cecair yang keluar daripada bahagian zahir anggota, katanya:

Terjemahan: Tidak terdapat perbezaan dari segi hukum peluh, air liur, hingus, dan air mata, sama ada ia berasal daripada orang berjunub, perempuan haid, orang yang suci, Muslim, kafir, baghal, keldai, kuda, tikus, atau haiwan buas dan haiwan yang melata. Semuanya dihukumkan suci selagi mana haiwan tersebut adalah suci, kecuali babi dan anjing serta haiwan yang lahir daripada keduanya.

(Al-Nawawi, 2010)

Berdasarkan kenyataan di atas, cecair yang meresap keluar daripada bahagian zahir anggota haiwan, seperti hingus, air liur, peluh dan air mata dihukumkan suci berdasarkan pandangan jumhur fuqaha jika cecair tersebut berasal daripada haiwan yang suci. Perkara ini merangkumi haiwan yang halal dimakan, seperti lembu dan kambing, serta haiwan yang tidak halal dimakan, seperti kucing dan burung pemangsa, selain daripada anjing dan babi serta haiwan yang lahir dari keduanya (Ibn Abidin, 1992; al-Dusuqi 1980; al-Nawawi, 2010 & Ibn Qudamah, 1995). Mereka berpendapat bahawa cecair seperti air liur, hingus, dan

peluh, yang tidak berasal daripada sistem pencernaan haiwan dan tidak mengandungi najis adalah dianggap suci.

Oleh itu, jika cecair ini terkena pada pakaian atau kulit, tiada keperluan untuk membersihkannya kerana ia tidak mengandungi unsur najis. (Ibn Abidin, 1992; Al-Dusuqi, 1980; Al-Haitami, 2015 & Ibn Qudamah, 1995). Selain itu, cecair jenis ini juga boleh dimanfaatkan untuk tujuan perubatan serta digunakan dalam bidang kepenggunaan, farmaseutikal, dan industri makanan. Berikut adalah beberapa contoh berkaitan:

1. Kain sutera. Kain yang diperbuat daripada sutera dianggap suci kerana tekstil sutera dihasilkan daripada kepompong ulat sutera yang terhasil daripada air liur ulat sutera. Air liur ulat sutera sifatnya adalah suci dan tidak termasuk dalam bahan najis (Al-Banjari, t.th.). Kepompong yang dihasilkan daripada air liur ini kemudian diproses untuk menghasilkan benang sutera yang digunakan dalam tekstil (Nurjayanti, 2011). Oleh kerana asal usulnya suci, kain sutera dianggap suci dan dibenarkan penggunaannya untuk tujuan ibadah seperti untuk dipakai dalam solat dan seumpamanya (Al-Banjari, t.th.).
2. Sarang burung layang-layang, yang juga terhasil daripada air liur burung, dihukumkan suci oleh jumhur fuqaha. Sarang ini telah digunakan secara tradisional, terutamanya oleh masyarakat Cina sejak 400 tahun lalu, kerana dipercayai kaya dengan nutrisi dan manfaat kesihatan (Ibrahim et al., 2019). Keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan (2007) turut membenarkan penggunaannya dan menyatakan hukum memakan sarang burung layang-layang adalah harus. Tanpa unsur najis dalam pembentukannya, sarang ini selamat digunakan dan boleh dimanfaatkan untuk tujuan komersial serta kesihatan (Al-Nawawi, 2010).

Sebaliknya, cecair yang berasal daripada batin faraj, sama ada daripada haiwan yang halal atau haram dimakan, dianggap najis oleh jumhur fuqaha kerana ia keluar daripada rongga perut (Ibn Abidin, 1992; al-Dusuqi 1980; al-Haitami, 2015; Ibn Qudamah, 1995). Perut dianggap sebagai agen perubah yang boleh menukar sesuatu yang suci menjadi najis setelah melalui proses pencernaan (al-Haitami, 2015). Oleh yang demikian, cecair yang dihasilkan oleh mentadak, atau dikenali sebagai *Mantidis Ootheca*, dihukumkan najis dan tidak boleh dimakan atau digunakan dalam perubatan (Abu Zayd, 2005). Perkara ini adalah merujuk kepada sumber penghasilannya iaitu berasal daripada kalenjar aksesori khas pada perut ibu *mantis* (Kramer, 1973) dan dihukumkan najis oleh jumhur fuqaha.

Dalam hal ini, dapat dilihat jumhur fuqaha sepakat bahawa cecair yang keluar daripada perut serangga dianggap sebagai najis. Berbeza pula dengan isu berkaitan memakan serangga dan kesucian bangkainya, para fuqaha berbeza pendapat. Sebahagian fuqaha mengharuskan memakan serangga, manakala sebahagian yang lain tidak mengharuskannya. Begitu juga terdapat sebahagian fuqaha menganggap bangkai serangga sebagai suci, manakala sebahagian yang lain menghukumnya sebagai najis.

Walau bagaimanapun, berkenaan isu kegunaan *Mantidis Ootheca* dalam bidang perubatan, ia perlu dilihat daripada perspektif fiqh perubatan kerana terdapat ruang-ruang yang perbahasan lain yang perlu diambil kira seperti hukum menggunakan najis untuk perubatan, ubat daripada sumber najis yang telah melalui proses *istihalah* dan keadaan-keadaan darurat bagi pesakit untuk mendapatkan rawatan daripada sumber tersebut. Malah dalam dunia kefatwaan hari ini, piawaian *al-istihalah* dan *al-darurat* perlu diambil kira dan menjadi satu keperluan memandangkan isu-isu sebegini masih belum dimuktamadkan oleh sarjana Islam semasa dan pakar saintis (Md Pauzi, 2016). Atas dasar itu, hukum penggunaan *Mantidis Ootheca* dalam bidang perubatan tidak boleh dihukumkan haram secara mutlak kerana ia perlu dinilai berdasarkan pertimbangan *maslahah* (kebaikan) dan *mafsadah* (keburukan) khususnya kepada pesakit yang memerlukan rawatan.

Jadual 3. Analisis Hukum Cecair yang Keluar daripada Perut Mentadak (Sarung Telur Mentadak) (Ibn Abidin, 1992; al-Dusuqi 1980; al-Nawawi, 2010 & Ibn Qudamah, 1995)

Mazhab	Cecair yang Keluar Dari Zahir Faraj	Cecair yang Keluar dari Batin Faraj (Sarung Telur Mentadak)
Hanafi	Najis dan haram dimakan berdasarkan hukum pengharaman memakan mentadak	Najis dan tidak boleh dimakan kerana berasal daripada perut ibu <i>mantis</i> dan keluar melalui saluran faraj mentadak
Syafie		
Hanbali		
Maliki	Suci dan harus dimakan berdasarkan hukum keharusan memakan mentadak	Justifikasi: Berdasarkan pandangan jumhur fuqaha yang mengharamkannya kerana ia adalah cecair yang berasal daripada perut
<i>Tarjih</i>	Pengharaman Sarung Telur Mentadak untuk dimakan atau dimanfaatkan	

Hukum Menggunakan Najis dalam Perubatan

Dalam Islam, bahan yang bernajis adalah dianggap haram dan tidak boleh dimanfaatkan. Menurut syarak, najis ialah segala perkara yang menghalang pelaksanaan solat sekiranya wujud seperti air kencing, darah dan tinja (Anis *et al.*, 2004; Al-Syarbini, 2006). Dalam bidang farmaseutikal hari ini najis boleh terdiri daripada beberapa bentuk iaitu pepejal, cecair dan serbuk (Jamaludin *et al.*, 2014).

Sebagaimana yang telah dijelaskan *Mantidis Ootheca* adalah ubatan daripada bahan bernajis yang terdiri daripada cecair dan serbuk. Penggunaannya dalam produk farmaseutikal perlu dinilai berdasarkan pertimbangan maslahat dan darurat. Hal ini kerana dalam situasi darurat dibolehkan untuk memanfaatkan sumber daripada najis contohnya untuk tujuan perubatan. Situasi darurat ialah suatu keadaan yang sangat terdesak sehingga mengharuskan perkara yang diharamkan untuk menjaga kepentingan yang lebih besar iaitu antaranya kepentingan nyawa, agama, akal, keturunan dan harta (Al-Suyuti, 2011).

Menurut prinsip syariah, darurat ditakrifkan sebagai situasi yang melibatkan penjagaan salah satu daripada lima objektif syariah, termasuk penjagaan nyawa (Al-Suyuti, 2011; Arifin 2021). Perubatan adalah termasuk dalam penjagaan nyawa yang amat dititikberatkan dalam Islam (Azwar & Rinaldi, 2024). Penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*) merupakan salah satu objektif daripada lima objektif syariah yang diklasifikasikan sebagai keperluan utama (*dharuriyyat*) dalam kehidupan manusia (Al-Zuhayli, 2008).

Antara prinsip asas perubatan dalam Islam ialah hendaklah berubat dengan menggunakan bahan yang suci dan halal berdasarkan hadis daripada Abu Darda', Nabi SAW bersabda:

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menurunkan penyakit dan ubat dan menentukan ubat bagi setiap penyakit. Berubatlah kalian, tetapi jangan kalian berubat dengan perkara yang haram”.

(Sunan Abu Daud, 2008, Hadis 3874)

Fuqaha bersepakat bahawa berubat dengan najis adalah haram (Al-Kasani 2015; Al-Ramli 2003; Al-Hattab, 2003 & Al-Buhuti, 2003). Hal ini adalah berdasarkan hadis daripada Ummu Salamah R.A, bahawa Nabi SAW bersabda:

Terjemahan: Allah tidak menjadikan untuk kamu penyembuh (ubat) daripada sumber yang diharamkan ke atas kamu.

(Sunan Al-Baihaqi, 2003, Hadis 19679)

Pengharaman najis dalam perubatan adalah demi mencapai maslahat *tahsiniyyat* dengan tujuan penjagaan nyawa kerana penggunaan apa-apa sumber daripada najis boleh mengakibatkan jangkitan kuman dan bakteria berdasarkan sifat asal najis iaitu bahan buang yang kotor (Alias *et al.*, 2020).

Selain itu, berdasarkan garis panduan farmaseutikal yang telah digariskan dalam MS 2424:2019, sesuatu ubat tidak boleh mengandungi bahan daripada haiwan yang tidak halal dan tidak mengandungi bahan yang bernajis (Department of Standard Malaysia, 2019). Justeru, secara asasnya sebarang produk farmaseutikal yang dipasarkan untuk tujuan perubatan hendaklah memenuhi piawaian yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan prinsip maslahat perkara yang haram boleh menjadi harus ketika keadaan darurat. Perkara ini bersandarkan kepada Firman Allah SWT:

Terjemahan: Dan sungguh Dia telah menjelaskan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkanNya atas kamu, kecuali jika kamu dalam keadaan terpaksa (memakannya).

(Surah al-An'am, 6:119)

Menurut Al-Sa'adi (2012), hukum asal bagi sesuatu perkara itu ialah harus dan perkara-perkara yang haram telah dijelaskan oleh Allah SWT. Namun dalam keadaan darurat, Allah SWT memberikan pengecualiaan terhadap perkara haram itu sehingga menjadi harus dengan syarat-syarat tertentu.

Selain itu, perkara ini turut dijelaskan oleh kaedah fiqh yang menyatakan bahawa keadaan darurat membolehkan perkara yang terlarang menjadi harus (*al-darurat tubih al-mahzurat*) (Al-Suyuti, 2011). Nabi SAW juga pernah membenarkan sahabat mengambil najis sebagai ikhtiar untuk merawat penyakit yang dihadapinya. Peristiwa ini disebut dalam hadis daripada Anas RA beliau berkata:

Terjemahan: Sekumpulan Arab Badawi daripada Bani 'Urainah telah datang kepada Nabi SAW dan memeluk Islam. Kemudian, kulit mereka menjadi kekuningan kerana tidak tahan dengan suhu Madinah. Nabi SAW mengirinkan susu unta kepada mereka dan menyuruh mereka untuk minum susu dan air kencing unta tersebut. Mereka melakukannya sehingga sembuh.

(Sunan al-Nasa'ie, 2001, Hadis 4035)

Berdasarkan hadis ini kita dapat memahami bahawa berubat menggunakan najis dibolehkan dalam keadaan darurat, sebagai satu kelonggaran (rukhsah) untuk umat Islam. Beberapa keadaan darurat yang membolehkan penggunaan bahan bernajis untuk tujuan perubatan adalah seperti berikut:

1. Menyembuhkan Penyakit Kritikal

Penggunaan bahan najis dibenarkan jika bertujuan untuk menyembuhkan penyakit kritikal yang boleh mengancam nyawa, menyebabkan kegagalan organ atau kerosakan fizikal tubuh badan (Ismail, 20118). Dalam hal ini perlu diketahui bahawa tidak semua jenis rawatan dapat dikategorikan sebagai menyelamatkan nyawa, ada rawatan yang bersifat alternatif atau kosmetik yang hanya bertujuan untuk penjagaan kesihatan diri atau untuk manfaat kesihatan sampingan sahaja (Al-Tayyar *et al.*, 2011). Situasi seumpama ini tidak dianggap sebagai darurat, sehingga menyebabkan penggunaan ubat daripada sumber najis adalah dilarang (Wan Ismail, 2015).

Kelonggaran ini khusus untuk tujuan merawat penyakit yang benar-benar kritikal dan terhad kepada situasi perubatan yang mendesak, di mana tiada alternatif yang lebih baik tersedia (Adnan, *et al.*, 2023). Jika rawatan yang dicadangkan tidak bertujuan untuk menyelamatkan nyawa atau tidak mendesak, kelonggaran ini tidak boleh diterima. Dengan demikian, penggunaan bahan bernajis hanya dibenarkan dalam situasi darurat untuk merawat penyakit yang mengancam nyawa dan tidak untuk rawatan tambahan atau estetik (Ibrahim, 2015).

2. Tidak ada alternatif daripada bahan yang suci yang boleh digunakan (Al-Nawawi, 2010; Ibn Abidin, 1992)

Syarak memberikan keringanan untuk memanfaatkan bahan daripada sumber najis dalam perubatan apabila tiada alternatif daripada bahan yang suci yang boleh digunakan (Fawaid & Masruroh, 2020). Keadaan ini menunjukkan bahawa penggunaan najis hanya dibolehkan dalam situasi darurat akibat ketiadaan alternatif halal yang berkesan dan keadaan tersebut benar-benar memerlukan intervensi. Jalil *et al.* (2019) menekankan pentingnya mengutamakan rawatan daripada bahan yang suci dan halal sebelum mempertimbangkan penggunaan bahan najis. Hal ini menunjukkan bahawa sebarang tindakan untuk menggunakan bahan najis tidak boleh diambil secara sembarangan, melainkan sebagai pilihan terakhir dalam situasi darurat.

3. Keberkesanan dan Keselamatan Rawatan

Penggunaan ubat dalam perubatan perlu berlandaskan bukti keberkesanan yang kukuh, sama ada melalui kajian saintifik atau peruntukan dalam garis panduan pihak berkuasa. Rawatan yang dicadangkan hendaklah tidak mendatangkan mudarat yang melebihi manfaat kepada pesakit (Mohamad, 2023). Dalam hal ini, pengamal perubatan wajib memastikan bahawa setiap intervensi tidak membawa risiko baru yang setara atau lebih serius daripada penyakit yang sedang dirawat (Al-Matrudi, 2008). Walaupun terdapat beberapa manfaat dalam penggunaan bahan daripada sumber najis, prinsip utama dalam perubatan ialah mudarat yang mungkin timbul tidak boleh melebihi manfaat yang diperolehi. Kaedah fiqh “*dar’u al-mafasid awla min jalb al-masalih*” menekankan bahawa menghindari keburukan adalah lebih diutamakan berbanding meraih kebaikan (Al-Suyuti, 2011). Oleh itu, sebarang ubatan atau rawatan perlu dikaji dengan teliti bagi memastikan keberkesanan terbukti dan tidak mendatangkan risiko yang berbahaya kepada pesakit.

Oleh itu, penggunaan *Mantidis Ootheca* dalam perubatan, yang dianggap najis, perlu diteliti dari perspektif fiqh perubatan untuk memastikan ia mematuhi prinsip-prinsip darurat dan tidak melanggar hukum syarak. Aplikasi fiqh perubatan ini boleh dilihat menerusi fatwa-fatwa yang telah ada berkaitan penggunaan serangga sebagai bahan ubatan. Antaranya ialah:

1. Fatwa Muzakarah Kebangsaan (2014) berkaitan penggunaan *Cordyceps Sinensis* asli ataupun yang terhasil melalui proses makmal adalah harus kerana ia adalah bahan asli yang tidak mengandungi najis.
2. Fatwa Muzakarah Kebangsaan (2011) berkaitan hukum memakan Cicak Geckko (Tokay) adalah haram dimakan kerana tergolong dalam binatang yang menjijikkan dan beracun. Malah, uruf masyarakat Muslim Malaysia yang tidak menjadikan ia sebagai makanan. Sehingga kini tiada bukti saintifik Cicak Geckko (Tokay) mampu menjadi penawar. Namun, penggunaan Cicak Geckko (Tokay) untuk tujuan perubatan adalah diharuskan dengan syarat keberkesanan dapat dibuktikan dan tiada alternatif lain untuk merawatnya.

Berdasarkan keputusan ini, dapat dilihat bahawa jawatankuasa fatwa di Malaysia tidak membenarkan penggunaan bahan daripada sumber yang najis dalam perubatan. Pertimbangan utama berdasarkan ketetapan fatwa ialah mestilah wujud darurat yang bersangatan seperti tidak ada alternatif ubatan yang lain serta hendaklah dipastikan keselamatan dan keberkesanan ubatan menurut standard piawaian farmaseutikal. Kelompongan dalam mematuhi syarat ini tidak memungkinkan penggunaan bahan bernajis diharuskan untuk tujuan kesihatan dan rawatan berdasarkan perspektif syarak. Begitu juga penggunaan bahan bernajis dalam perubatan adalah ditegah berdasarkan ketetapan dalam standard MS 2424:2019 (DSM, 2019). Justeru, sarung telur mentadak adalah bahan bernajis yang tidak boleh digunakan untuk tujuan perubatan melainkan jika wujud keadaan darurat seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

Sehingga ini, penggunaan *Mantidis Ootheca* belum sampai ke tahap darurat kerana keselamatan dan keberhasilannya belum dibuktikan melalui kajian saintifik yang tuntas. Di samping itu, dalam perubatan moden hari ini terdapat banyak alternatif bahan suci lain yang boleh digunakan untuk tujuan merawat penyakit berkaitan antaranya seperti ubat *cordyceps sinensis* (dalam kategori TCM) untuk merawat penyakit buah pinggang (Samarasinghe *et al.*, 2020), ubat *arixtra* untuk merawat penyakit jantung serta pelbagai ubat antibiotik dan antivirus halal untuk merawat radang paru-paru sebagaimana yang telah disenaraikan dalam MS 2424:2019 (DSM, 2019).

Jadual 4. Analisis Hukum Menggunakan Sarung Telur Mentadak dalam Perubatan (Analisis Penulis berdasarkan Pandangan Fuqaha serta Piawaian Fatwa dan MS 2424, 2024)

Pandangan Mazhab/ Badan berautoriti	Hukum	Huraian
Mazhab Hanafi	Tidak dibenarkan penggunaan bahan bernajis seperti sarung telur mentadak dalam perubatan	Melainkan sekiranya dalam keadaan darurat dan tiada alternatif ubatan daripada sumber yang halal dan suci
Mazhab Maliki		
Mazhab Syafie		
Mazhab Hanbali		

Jadual 4. Analisis Hukum Menggunakan Sarung Telur Mentadak dalam Perubatan (Analisis Penulis berdasarkan Pandangan Fuqaha serta Piawaian Fatwa dan MS 2424, 2024) (*Sambungan...*)

Pengamalan Fatwa di Malaysia	Tidak dibenarkan penggunaan bahan yang menajiskan dalam perubatan dan produk farmaseutikal	Melainkan jika ubatan tersebut dapat dibuktikan kajiannya secara saintifik dan tiada alternatif lain untuk merawatnya
MS 2424: 2019	Tidak boleh menggunakan ubatan daripada bahan bernajis dalam produk farmaseutikal untuk tujuan rawatan atau ubatan	-
<i>Tarjih</i>	Tidak dibolehkan menggunakan sarung telur mentadak dalam perubatan kerana ia merupakan bahan bernajis	Sehingga kini masih ada alternatif lain yang boleh mengubati penyakit-penyakit yang boleh dirawat menggunakan ubatan daripada sarung telur mentadak

Konsep Istihalah dalam Perubatan dan Penentuan Standard Halal

Selain penggunaan bahan najis, antara konsep yang turut digunakan dalam aplikasi fiqh perubatan ialah konsep *istihalah* dan *istihlak*. *Istihalah* berasal daripada perkataan bahasa Arab *istahala* membawa maksud berubah (*taghayyara*) atau bertukar (*inqalaba*). Menurut Abu Jayb, S. (1998), *istihalah* bererti sesuatu yang berubah daripada tabiat dan sifat asalnya. *Istihalah* boleh difahami sebagai proses pertukaran sesuatu jisim kepada bentuk lain dan tiada kemungkinan akan kembali ke bentuk yang asal (Abubakar *et al.*, 2021). Demikian, *istihalah* ialah metode purifikasi yang menjadikan benda bernajis kepada halal dengan syarat-syarat tertentu (Wan Zaharudin *et al.*, 2021). Indikator *istihalah* juga boleh merujuk kepada percampuran sesuatu benda yang lain sehingga menghilangkan kriteria asal seperti warna, bau dan rasa (Firmansyah *et al.*, 2024). Manakala *istihlak* berlaku apabila suatu bahan yang bernajis meresap ke dalam bahan lain yang suci sehingga menyebabkan hilangnya sifat asal bahan yang meresap itu (Majma' Fiqh al-Islami, 2015). Sebahagian ulama kontemporari seperti Ali Qurrah Daghi, dan Nazir Hammad tidak membezakan antara *istihlak* dan *istihalah* serta mereka menganggap *istihlak* sebagai sebahagian daripada *istihalah* (Amin Sabbu'ie, 2020). Penulis bersetuju dengan pandangan ini berdasarkan penelitian penulis terhadap hukum-hukum yang terhasil daripada kedua-dua proses ini sama ada *istihalah* atau *istihlak* akan menghasilkan keputusan yang sama. Keputusan hukum dalam kedua-dua masalah ini akan mengambil kira ciri terakhir yang wujud, bukan keadaan asal sebelum berlaku perubahan (Mamat, 2021). Sehubungan dengan itu, penulis menghadkan perbincangan *istihalah* sahaja dalam artikel ini kerana ia berkait rapat dengan isu yang dibincangkan.

Konsep *istihalah* tidak dikaitkan secara pasti dalam bidang sains (Mahaiyadin & Osman, 2017) tetapi mempunyai gambaran yang sama seperti proses yang disebut sebagai *transformation* atau *chemical decomposition*. *Transformation* merujuk kepada pertukaran rupa sesuatu dengan sempurna dan *chemical decomposition* membawa maksud keadaan penguraian atau pereputan seperti penguraian air kepada hidrogen atau oksigen melalui reaksi kimia (Jamaludin, M. A., 2009). Daripada huraian ini dapat difahami bahawa *istihalah* adalah proses perubahan kimia secara menyeluruh iaitu dengan peratusan 100% (Mohamad, 2023). Bahkan kecanggihan teknologi hari ini mampu mengesan kandungan barangan dalam sesuatu produk yang boleh memastikan perubahan komponen berlaku dengan sempurna (Firmansyah *et al.*, 2024). Fuqaha silam pula mendefinisikan *istihalah* sebagai suatu keadaan perubahan benda najis secara hakikatnya kepada komponen yang berbeza dengan sifat dan nama lain yang berbeza (Ibn Abidin, 1994; al-Hattab, 2003; al-Ramli, 2003 & al-Buhuti, 2003).

Asas konsep *istihalah* ini adalah berasal daripada sumber al-Quran, al-Sunnah dan kesepakatan (*ijmak*) para sahabat. Terdapat ayat dalam al-Quran yang menjelaskan bagaimana susu haiwan ternakan adalah halal sekalipun ia berasal daripada makanan yang menjadi najis setelah memasuki perut haiwan yang mana sebahagian daripadanya menjadi sisa buangan dan juga darah. Firman Allah SWT:

Terjemahan: Dan sesungguhnya pada haiwan ternakan itu, terdapat pelajaran bagimu. Kami memberimu minuman kepada kamu daripada apa yang keluar dari dalam perutnya (berupa) susu yang bersih daripada kekotoran dan darah, yang mudah diminum bagi orang yang meminumnya.

(Surah Al-Nahl, 16:66)

Berdasarkan ayat di atas, fuqaha menyimpulkan bahawa perubahan tabiat darah yang haram dimakan kepada susu dan daging yang suci serta halal dimakan adalah satu bentuk *istihalah* yang diterima (Mamat, 2021).

Dari perspektif fiqh, perbahasan *istihalah* memainkan peranan penting dalam menentukan kehalalan sesuatu perkara. Fuqaha menerima konsep *istihalah* secara asasnya, namun terdapat perbezaan pandangan mengenai cakupan penggunaannya (Abubakar *et al.*, 2021). Dalam isu ini mereka berbeza pandangan seperti berikut:

1. Pandangan pertama: Ulama yang menyempitkan aplikasi *istihalah* kepada tiga keadaan sahaja iaitu perubahan arak menjadi cuka, kulit haiwan najis yang disamak menjadi suci dan kotoran atau najis yang berubah menjadi haiwan, seperti ulat yang berasal daripada bahan najis. Pandangan ini dipegang oleh mazhab Syafie (Al-Nawawi, 2010) dan satu pandangan dalam mazhab Hanbali (Ibn Qudamah, 1997). Mereka menghadkan konsep *istihalah* hanya kepada tiga keadaan yang spesifik sahaja tanpa memperluaskannya kepada perubahan yang lain.
2. Pandangan kedua: Ulama yang memperluaskan aplikasi *istihalah* kepada semua bentuk perubahan yang menyebabkan bahan bernajis menjadi suci, tanpa mengira sama ada perubahan itu berlaku secara semula jadi atau disebabkan campuran benda asing. Mereka berpendapat bahawa *istihalah* boleh berlaku dalam pelbagai cara, termasuk melalui proses kimia atau fizikal yang menukar struktur asal sesuatu bahan kepada bahan baru yang suci (Basirat & Inayat, 2024). Pandangan ini dinukilkan oleh fuqaha mazhab Hanafi (Al-Zayla'ie, 1984), Maliki (al-Dusuqi, 1980) dan Ibn Hazm (1928). Dalam keadaan ini *istihalah* boleh diaplikasikan dalam pelbagai konteks kepenggunaan selagi mana ia berkongsi 'illah hukum yang sama dan perubahan sifat membawa kepada kesucian yang diterima oleh syarak (Mamat, 2021).

Berdasarkan pandangan kedua, untuk memastikan perubahan sesuatu benda najis itu benar-benar berlaku, proses *istihalah* mestilah menepati ciri-ciri *istihalah sahifah*. *Istihalah sahifah* merujuk kepada perubahan yang menghasilkan bahan bernajis kepada hasil akhir yang halal, serta menghilangkan elemen haram daripada bahan asalnya secara sempurna. Jika perubahan tersebut tidak menghasilkan hasil yang suci, ia dianggap sebagai *istihalah fasidah*, iaitu perubahan yang tidak memenuhi syarat-syarat *istihalah sahifah* (Mohd Sukri *et al.*, 2022).

Prinsip ini membolehkan penggunaan kaedah saintifik atau teknologi moden untuk mengubah struktur atau sifat bahan najis menjadi sesuatu yang suci (Firmansyah *et al.*, 2024). Dalam konteks ini, perubahan tidak semestinya berlaku secara semula jadi, tetapi juga boleh berlaku melalui campur tangan manusia. Sebagai contoh dalam industri makanan atau farmasi, penggunaan bahan-bahan kimia atau bioteknologi untuk mengubah bahan najis kepada bahan yang halal adalah dibenarkan, asalkan proses tersebut menepati standard *istihalah sahifah* (Basirat & Inayat, 2024). Bahkan dalam mendepani keperluan masa kini, metodologi *istihalah* boleh diaplikasikan untuk menyelesaikan isu variasi campuran dalam produk makanan dan farmaseutikal (Wan Zaharudin *et al.*, 2021).

Sementara itu, mengikut pengamalan fatwa-fatwa semasa, keharusan teori berkenaan *istihalah* diterima oleh beberapa badan fatwa dunia iaitu antaranya *Islamic Fiqh Council* (IFC), *The Islamic Medical Organization for Medical Sciences* (IOMS), Fatwa Majlis Eropah dan seumpamanya. Konsep penerimaan teori *istihalah* dapat dilihat berdasarkan beberapa keputusan berikut:

- a. Resolusi 6 dalam *Islamic Fiqh Council* (IFC) di Jeddah pada Januari 2022 yang mana menyebutkan pesakit Muslim boleh mengambil ubat yang mengandungi alkohol pada kadar yang sedikit sekiranya mengalami kesukaran untuk mencari ubat yang bebas daripada kandungan alkohol tersebut.
- b. Resolusi 4 dalam *Islamic Fiqh Council* (IFC) pada Disember 2003 memutuskan keharusan menggunakan ubatan seperti heparine dan *low molecular weight heparin* (LMWP) yang mengandungi unsur babi kerana proses penyediaan ubatan tersebut menepati konsep *istihalah sahifah*.
- c. Fatwa Majlis Eropah untuk Penyelidikan dan Fatwa yang mengeluarkan fatwa mengenai keharusan menggunakan bahan yang asalnya haram tetapi berubah melalui proses *istihalah*.

- d. Resolusi IOMS dalam Persidangan Fiqh Perubatan kali ke-8 di Kuwait (1995) menyebutkan bahawa konsep *istihalah* yang sebenar boleh menjadikan sumber akhir sesuatu produk adalah suci dan harus digunakan menurut syarak.
- e. Fatwa Dar al-Ifta Mesir (20123) menegaskan bahawa apabila bahan haram seperti gelatin yang berasal daripada khinzir atau bahan najis lain telah melalui proses yang mengubah sifat fizikal dan kimianya secara mutlak, ia boleh dianggap halal untuk digunakan. Proses *istihalah* ini diiktiraf dalam fiqh Islam sebagai satu kaedah yang membenarkan penggunaan bahan asal haram setelah perubahan total berlaku.
- f. Resolusi Seminar Fiqh Perubatan ke-8 yang dianjurkan oleh Pertubuhan Islam untuk Sains Perubatan di Kuwait dari 22 hingga 24 Mei 1995, diputuskan bahawa gelatin yang dihasilkan daripada tulang, kulit, dan tendon haiwan yang tidak suci adalah bersih dan dibenarkan untuk dimakan oleh umat Islam, asalkan proses transformasi secara kimia dan fizikal dilakukan dengan lengkap (Al-Zuhayli, 2008).

Oleh yang demikian, pandangan beberapa resolusi yang telah dikemukakan di atas adalah selari dengan pandangan fuqaha yang menerima konsep *istihalah* iaitu selagi mana ia menepati syarat *istihalah sahahah* sebagaimana yang dijelaskan.

Namun, dalam kerangka pengamalan fatwa di Malaysia, pendirian majlis fatwa kebangsaan serta badan-badan kefatwaan di peringkat Majlis Agama Islam Negeri dilihat cenderung untuk tidak membenarkan penggunaan konsep *istihalah* dalam produk perubatan atau seumpamanya melainkan dalam kes darurat. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan beberapa fatwa yang telah disiarkan iaitu antaranya seperti berikut:

- a. Pengharaman penggunaan barangan, makanan, minuman yang diproses melalui kaedah bioteknologi babi (Fatwa Negeri Selangor, 2012).
- b. Pengharaman vaksin *Biothrax* dan vaksin *Rotatex* atau sebagainya yang menggunakan unsur babi dalam pembuatannya (Fatwa MKI, 2008).
- c. Pengharaman ubat *Clexane* dan *Flaxiparine* yang turut menggunakan unsur babi dalam pembuatannya (Fatwa MKI, 2009).
- d. Penggunaan enzim *transglutaminase* adalah dibenarkan jika sumbernya berasal daripada bahan mentah yang halal seperti tumbuhan, haiwan yang disembelih mengikut hukum syarak, dan kulat yang tidak berbahaya. Namun, enzim yang dihasilkan daripada sumber yang tidak suci, seperti plasma darah, diharamkan kerana unsur najis masih kekal dalam produk akhir kerana proses *istihalah* yang berlaku ialah *istihalah fasidah* (Fatwa MKI, 1990).

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa pendirian badan kefatwaan di Malaysia adalah bersifat lebih memilih pendekatan tidak menerima konsep *istihalah* sebagai salah satu teori yang mengharuskan penggunaan produk yang telah diproses iaitu selaras dengan pandangan mazhab Syafie (Mamat, 2021). Namun sekiranya terdapat keperluan mendesak khususnya dalam bidang perubatan dan melibatkan nyawa serta tiada alternatif lain, maka sesuatu ubat atau rawatan boleh digunakan (Mohd Kashim et al., 2020).

Pendekatan badan kefatwaan ini adalah sebagai langkah *sadd al-zariah* (Mohd Aswadi, M. S., et al., 2021; Ibn Abdul Salam, 1990) iaitu untuk menutup pintu-pintu kerosakan supaya tidak ada mana-mana pihak yang mengambil peluang untuk menjana keuntungan berasaskan produk-produk yang dibuat daripada sumber yang tidak halal seperti babi, najis dan arak. Ia juga adalah mengambil kira komposisi masyarakat Malaysia yang terdiri daripada ramai Muslim yang mana menyumbang kepada kepelbagaian sumber produk halal dalam barangan kegunaan seharian. Atas dasar ini, penulis berpandangan bahawa penggunaan sarung telur mentadak yang telah diproses melalui kaedah *istihalah* dalam perubatan adalah tidak dibolehkan kerana belum ada keperluan mendesak dan darurat untuk menggunakan ubatan daripada sumber tersebut

Namun, konsep *istihalah* masih lagi perlu diteroka khususnya dalam bidang perubatan dan farmaseutikal khususnya kerana terdapat banyak penemuan baru dalam bidang kesihatan serta dengan pemanfaatan teknologi moden yang menyebabkan perkembangan bidang kesihatan dan seterusnya menawarkan ubat serta rawatan yang lebih baik kepada masyarakat (Mohd Sukri et al., 2022). Dalam konteks ini, penerapan

konsep *istihalah* perlu dianalisis berdasarkan perspektif maqasid syariah, iaitu menjaga kemaslahatan manusia dan keperluan sejagat, khususnya dalam aspek kesihatan.

Jadual 5. Analisis Konsep *Istihalah* mengenai Ubatan dari Sarung Telur Mentadak dalam Perubatan (Analisis Penulis berdasarkan Pandangan Fuqaha dan Fatwa Terpilih di Malaysia, 2024)

Pandangan Mazhab/ Badan berautoriti	Hukum	Huraian
Mazhab Hanafi	Dibolehkan	Sekiranya menepati syarat <i>istihalah sahifah</i> iaitu perubahan bahan asal sehingga menghilangkan elemen najis dan menghasilkan bahan akhir yang suci
Mazhab Maliki		
Mazhab Syafie	Tidak dibolehkan	Keharusan <i>istihalah</i> hanya tertakluk kepada tiga keadaan melalui proses semula jadi seperti arak menjadi cuka, kulit yang disamak dan sesuatu yang bertukar kepada haiwan seperti ulat
Mazhab Hanbali		
Pengamalan Fatwa di Malaysia	Tidak dibolehkan	Mengambil kira pandangan Mazhab Syafie, kelonggaran hanya diberikan sekiranya terdapat darurat dan tiada alternatif ubatan yang lain dan sebagai langkah <i>sadd al-zari'ah</i> supaya tidak berkembang industri farmaseutikal berasaskan sumber tidak halal secara tidak terkawal
<i>Tarjih</i>	Membenarkan penggunaan ubatan yang mengandungi sarung telur mentadak yang telah diproses setelah melalui kaedah <i>istihalah sahifah</i> dalam perubatan	Bidang perubatan dan farmaseutikal masa kini menunjukkan pelbagai penemuan baru dalam bidang kesihatan serta dengan pemanfaatan teknologi moden menyebabkan perkembangan bidang kesihatan dan seterusnya menawarkan ubat serta rawatan yang lebih baik kepada masyarakat. Umat Islam akan rugi jika meninggalkan teknologi dan penemuan ini hanya kerana beranggapan ia sebagai najis sedangkan terdapat fuqaha yang mengharuskannya serta terdapat maslahat yang besar kepada umat

Penilaian Keselamatan Terhadap *Mantidis Ootheca*

Selain aspek syariah, penggunaan *Mantidis Ootheca* sebagai salah satu produk adalah tertakluk dengan undang-undang berkaitan pemakaian dan pemasaran produk farmaseutikal (Othman *et al.*, 2018) seperti *Department Standard of Malaysia* dan *National Pharmaceutical Regulatory Agency*. Antara piawaian yang digariskan oleh DSM ialah tidak mengandungi bahan daripada haiwan yang tidak halal dan tidak mempunyai bahan bernajis. Selain aspek syariah, untuk memenuhi keperluan halal, penggunaan ubatan mestilah selamat untuk digunakan, tidak memabukkan serta tidak mendatangkan kesan bahaya kepada pengguna berdasarkan preskripsi dos (DSM, 2019). Aspek keselamatan merupakan aspek signifikan dalam standard farmaseutikal yang menjadi keperluan mesti. Dalam hal ini sekiranya penggunaan ubatan berasaskan *Mantidis Ootheca* dibenarkan di pasaran, ia hendaklah tidak mengakibatkan kemerosotan kepada kesihatan pengguna (NPRA, 2018). Syarikat pengeluar atau badan farmaseutikal perlu menjalankan penilaian keselamatan terhadap produk secara tuntas. Penilaian keselamatan merangkumi aspek maklumat mengenai kerosakan bahan yang terdapat dalam ubatan dan juga data berkaitan paras pendedahan (EPA, 1997).

Penggunaan *Mantidis Ootheca* dalam TCM sejak berkurun telah dipercayai khasiatnya secara turun temurun dan dibuktikan melalui kajian saintifik semasa. Namun berdasarkan kajian klinikal terkini, belum ada kajian yang terperinci mengenai toksikologi, keselamatan dan kesan sampingannya yang berbahaya (*adverse side effect*) akibat penggunaannya telah dilaporkan (Lim *et al.*, 2019). Malah, terdapat beberapa kajian awal yang menunjukkan potensi risiko keselamatan produk ini antaranya seperti berikut:

1. Gangguan oleh Perosak Simpanan

Lima daripada sepuluh sampel *Mantidis Ootheca* yang diuji didapati terjejas oleh perosak produk simpanan, dan kehadiran perosak ini boleh membawa beberapa risiko keselamatan yang serius antaranya risiko pencemaran, di mana produk yang dicemari oleh perosak mungkin mengandungi sisa atau bahan kimia berbahaya yang boleh mengancam keselamatan pengguna. Sisa-sisa ini boleh mempengaruhi kualiti dan keberkesanan *Mantidis Ootheca* sebagai bahan perubatan, sekali gus menjadikannya tidak selamat

untuk digunakan. Selain itu, perosak juga berpotensi membawa mikroorganisma berbahaya seperti bakteria atau kulat, yang boleh menyebabkan penyakit atau masalah kesihatan sekiranya tidak dikawal atau diproses dengan baik. Hal ini turut meningkatkan risiko toksikologi, di mana bahan-bahan berbahaya mungkin terbentuk dalam produk tersebut (Xu *et al.*, 2022).

2. Kehadiran Spesies Kriptik dan Campuran Spesies:

Kajian mendapati kehadiran spesies kriptik dan campuran oothecae daripada pelbagai spesies dalam produk komersial *Mantidis Ootheca* menyebabkan risiko keselamatan. Pertama, ketidakpastian asal usul produk ini menjadi kebimbangan, kerana kehadiran spesies yang tidak dikenal pasti atau campuran daripada pelbagai spesies dalam satu pakej boleh menyebabkan produk tersebut tidak melalui kajian keselamatan yang mencukupi. Spesies yang tidak disahkan ini mungkin membawa risiko yang tidak diketahui kepada pengguna, yang boleh menjejaskan keselamatan penggunaan produk tersebut (Xu *et al.*, 2022). Selain itu, perbezaan komposisi kimia antara spesies yang berbeza juga boleh mempengaruhi keberkesanan farmakologi *Mantidis Ootheca*. Kehadiran campuran spesies mungkin mengurangkan keberkesanan rawatan atau menyebabkan kesan sampingan yang tidak dijangka, kerana setiap spesies mempunyai ciri kimia yang unik. Tambahan pula, spesies yang tidak dikenali mungkin mengandungi bahan bioaktif yang berpotensi mencetuskan reaksi alahan atau kesan toksik. Tanpa pengesahan yang jelas mengenai spesies yang terlibat, pengguna berisiko mengalami masalah kesihatan yang tidak dijangka, termasuk alergi atau keracunan (Wen *et al.*, 2013).

3. Kepelbagaian Genetik Dalam dan Antara Spesies

Kepelbagaian genetik dalam spesies *Mantidis Ootheca*, seperti *Tenoderia Sinensis* dan *Hierodula Patellifera*, yang dinyatakan dalam Farmakope Cina sebagai sumber tulen boleh mempengaruhi ciri-ciri farmakologi bahan tersebut. Ketidakpastian mengenai kesan kepelbagaian genetik merupakan kebimbangan utama, kerana variasi genetik, meskipun merupakan fenomena semula jadi, dapat membawa kepada perubahan dalam keberkesanan atau keselamatan *Mantidis Ootheca* sebagai ubat tradisional (Noh *et al.*, 2024).

4. Kewujudan Unsur Toksik pada Haiwan Uji Kaji

Kajian awal mendapati bahawa penggunaan ekstrak *Mantidis Ootheca* pada tikus uji kaji telah menunjukkan tanda-tanda yang berbahaya kepada tikus, termasuk kesan buruk yang signifikan ke atas kesihatan mereka (Lim *et al.*, 2019). Hal ini menimbulkan kebimbangan serius bahawa ekstrak tersebut mungkin juga berpotensi berbahaya kepada manusia jika digunakan tanpa kajian lanjut yang lebih mendalam mengenai keselamatan penggunaannya.

Dalam konteks ini, keperluan untuk melakukan kajian lebih lanjut mengenai kesan toksikologi dan keselamatan penggunaan *Mantidis Ootheca* dalam perubatan tradisional menjadi semakin mendesak. Kesemua faktor ini menekankan perlunya pengawasan dan langkah-langkah keselamatan yang lebih ketat sebelum produk ini boleh dianggap selamat untuk penggunaan perubatan (Song *et al.*, 2020).

Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan kajian saintifik sehingga kini, penggunaan *Mantidis Ootheca* adalah tidak memenuhi piawaian keselamatan menurut undang-undang berkaitan farmaseutikal sedia ada dan boleh menimbulkan kesan berbahaya kepada tubuh badan akibat penggunaannya. Perkara ini secara tidak langsung tidak menepati standard yang telah digariskan oleh DSM dan NPRA yang telah dinyatakan.

Analisis Hukum Mantidis Ootheca Dalam TCM

Mantidis Ootheca atau sarung telur mentadak yang digunakan sebagai dalam TCM telah terbukti berkesan dalam merawat pelbagai penyakit berkaitan jantung, paru-paru, kegagalan buah pinggang dan merawat masalah kemandulan (Kim, C. M. *et al.*, 2006). Perkara ini turut diperakui oleh saintis moden melalui kajian saintifik yang menunjukkan kesan positif penggunaan *Mantidis Ootheca* dalam bidang perubatan moden antaranya bertindak sebagai ejek anti radang, antidiuretik, antikanser, dan antioksidan (Tan, Z. *et al.*, 1997).

Dalam TCM, *Mantidis Ootheca* biasanya dijual dalam dua bentuk iaitu bentuk asal (sarung telur yang telah dibersihkan dan dikeringkan) dan dalam bentuk serbuk atau *granule* (sarung telur yang telah melalui proses kimia). Oleh itu secara umumnya hukum menggunakan *Mantidis Ootheca* dalam TCM boleh disimpulkan seperti berikut:

1. *Mantidis Ootheca* yang dijual dalam bentuk asal tanpa melalui proses kimia.

Hukumnya adalah najis dan tidak boleh digunakan. Hal ini kerana terdapat ubatan alternatif lain yang masih boleh digunakan untuk merawat penyakit yang berkaitan. Malah sehingga kini belum ada kajian yang tuntas berkenaan keselamatan produk tersebut. Justeru, ia tidak memberi satu petanda dan keperluan yang jelas mengenai kemaslahatannya kepada tubuh badan. Bahkan berdasarkan perbincangan ia tidak memenuhi piawaian keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak berautoriti. Atas asas ini ubat tersebut tidak boleh diberikan kerana terdapat kaedah fiqh yang menyebutkan sesuatu darurat tidak boleh dihilangkan dengan darurat yang lain (Al-Qaradawi, 1980)

2. *Mantidis Ootheca* yang telah diproses dan telah berubah bentuk dan ciri-ciri asalnya kepada suatu bahan yang baru melalui apa-apa proses kimia moden.

Terdapat dua pandangan berkaitan perkara ini. Pandangan yang pertama ialah harus menggunakannya sekiranya ia menepati syarat-syarat *istihalah sahifah* menurut pandangan mazhab Hanafi dan Maliki. Hal ini kerana proses *istihalah* telah menyebabkan zat asal bahan yang bernajis telah bertukar dan menghasilkan bahan yang baru dan dihukumkan suci (Al-Dusuqi, 1980). Pandangan kedua ialah tidak dibolehkan iaitu selaras dengan pandangan mazhab Syafie yang tidak membolehkan (Al-Jamal, 1997).

Dalam hal ini penulis cenderung kepada pandangan pertama yang membenarkan penggunaannya jika menepati syarat-syarat *istihalah sahifah* kerana melihat kepada kekuatan dalil serta bertepatan dengan resolusi-resolusi badan fatwa Antarabangsa. Selain itu, perkembangan teknologi perubatan masa kini yang moden memudahkan proses *istihalah* berlaku serta hasilnya memberikan manfaat yang besar kepada umat dalam bidang perubatan. Keharusan ini terikat dengan pematuhan kepada prinsip asas dalam fiqh iaitu pengambilan ubat atau rawatan tersebut hendaklah dirujuk kepada pakar perubatan yang bertauliah dan amanah sebelum menggunakannya (Jalil *et al.*, 2019). Pengambilan ubat tersebut hendaklah dipastikan aspek keberkesanan, keselamatan serta tidak mempunyai kesan yang berbahaya kepada tubuh badan (Mustapha & Junoh, 2022). Perkara ini mungkin berlaku pada masa hadapan setelah kajian-kajian lanjut berkaitan risiko penggunaan *Mantidis Ootheca* dapat dikurangkan atau dibuktikan secara saintifik.

Kesimpulan

Umat Islam mestilah berubat dengan menggunakan bahan yang suci dan halal. Walau bagaimanapun, dalam situasi darurat serta tiada sumber yang halal, Islam memberikan kelonggaran untuk menggunakan bahan daripada sumber najis untuk tujuan perubatan dan pemeliharaan nyawa. *Mantidis Ootheca* dalam TCM adalah berasal daripada perut mentadak yang dihukumkan sebagai najis oleh para ulama kerana ia adalah cecair yang keluar melalui jalan kemaluan. Oleh itu ia tidak boleh digunakan dalam perubatan melainkan sekiranya tidak terdapat alternatif yang lain dalam merawat penyakit yang berkaitan. Penggunaan *Mantidis Ootheca* dalam perubatan boleh dikaji semula sekiranya keperluannya boleh sampai ke tahap darurat. Namun, hal tersebut mestilah mendapat pengesahan pakar perubatan dan badan fatwa berautoriti untuk memastikan kegunaannya adalah selamat untuk pesakit dan menepati prinsip syarak.

Di samping itu, Islam menggalakkan kajian yang lebih meluas dan pemanfaatan perkembangan teknologi, khususnya dalam bidang perubatan, untuk meneroka aspek-aspek baru yang memberikan manfaat kepada kesihatan manusia. Umat Islam perlu meneruskan penerokaan dalam bidang ini bagi memastikan pematuhan halal dalam setiap peringkat pengeluaran serta produk akhir. Usaha ini boleh diperkukuhkan melalui langkah-langkah konkrit, termasuk pengenalan cadangan polisi yang menyokong penyelidikan halal, meningkatkan penglibatan industri dalam penghasilan produk yang mematuhi syariah, dan memperkuat penyelidikan akademik yang berfokus pada inovasi dalam perubatan dan produk farmaseutikal halal.

Memandangkan isu farmaseutikal halal semakin berkembang, penyelidikan perlu memberi tumpuan kepada beberapa bidang utama, termasuk kajian komprehensif mengenai bahan dalam TCM serta alternatif halal untuk memastikan keselamatan produk dan pematuhan halal. Selain itu, kajian lanjut mengenai keputusan fatwa sedia ada mengenai pengharaman *istihalah* perlu dikaji semula, khususnya dalam bidang perubatan dan farmaseutikal. Penemuan baru dalam kesihatan dan pemanfaatan teknologi moden telah membawa kepada perkembangan dalam sektor ini, menyediakan ubat dan rawatan yang lebih baik kepada masyarakat. Dalam konteks ini, penerapan *istihalah* perlu dianalisis berdasarkan maqasid syariah, yang menekankan pemeliharaan kemaslahatan manusia dan keperluan sejagat, terutama dalam aspek kesihatan.

Selain itu, integrasi bioetika Islam dalam penyelidikan perubatan perlu diterapkan untuk memastikan setiap fasa penyelidikan selaras dengan prinsip syariah dan nilai-nilai etika Islam. Kolaborasi antara sarjana fiqh dan ahli perubatan juga adalah penting untuk menghasilkan penyelesaian praktikal yang selari dengan syariah, khususnya dalam mencari alternatif bahan halal dan memastikan pengeluaran produk yang tidak berisiko. Kesemua aspek ini saling berkait dalam usaha memastikan penyelidikan farmaseutikal halal yang sistematik dan komprehensif, seterusnya membantu umat Islam mendapatkan akses kepada perubatan yang *halalan tayyiba*.

Rujukan

- Abu Daud, S. A. (2008). *Sunan Abi Daud*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Abu Jayb, S. (1988). *Al-Qamus al-Fiqhi: Lughatan wa Istilahan*. Damascus: Dar al-Fikr.
- Abu Zayd, J. M. (2005). *Al-Intifa' bi al-a'yan al-muharramah min al-at'imah wa al-ashribah wa al-albisah*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Abubakar, A., & Abubakar, A. (2021). Hukum vaksin MR: Teori istihalah dan istihlak versus Fatwa MUI. *Media Syari'ah: Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial*, 23(1), 1-15. <https://doi.org/10.22373/jms.v23i1.8485>
- Adnan, M. K. A., Mokhtar, A. I., & Samuri, M. A. A. (2023). Implementasi kaedah fiqh berelemenkan darurat dalam perubatan: Analisis fatwa terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor. *Journal of Islam in Asia*, 20(1), 216–240. <https://doi.org/10.31436/jia.v20i1.1118>
- Ahn, M. Y., Ryu, K. S., Lee, Y. W., & Kim, Y. S. (2000). Cytotoxicity and L-amino acid oxidase activity of crude insect drugs. *Archives of Pharmacal Research*, 23(3), 477-481. <https://doi.org/10.1007/BF02976576>
- Al-Baihaqi, A. A. A. (2003). *Sunan al-kubra*. Beirut: Dar al-Kutub 'Ilmiyyah.
- Al-Banjari, M. A. A. (n.d.). *Sabil al-muhtadin fi al-tafaqquh fi amr al-din*. Al-Hidayah Publisher.
- Al-Buhuti, Y. I. (2003). *Kasyaf al-qina' an matn al-iqna'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Dusuqi, M. A. (1980). *Hasyiyah al-dusuqi 'ala syarh al-kabir*. Cairo: Dar al-Ihya'.
- Al-Haitami, A. A. (2015). *Al-Fatawa al-fiqhiyyah al-kubra*. Jordan: Dar al-Fikr.
- Al-Hattab, M. M. (2003). *Mawahib al-jalil fi syarh mukhtasar khalil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Jamal, S. (1997). *Hasyiyah al-jamal 'ala syarh al-minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Kasani, A. B. M. (2015). *Bada'ie al-sana'ie fi tartib al-syarā'i*. Cairo: Maktabah Taufiqiyyah.
- Al-Majma al-Fiqh al-Islami bi Rabitah al-'Alam al-Islami. (2005). Resolusi ke-4 mengenai hukum isti'mal al-dawa' al-mushta'mil 'ala syay' min najas al-ayn ka al-khinzir wa lahu badil aqall minhu faidah ka al-hibar in al-jadid. *Islamic Fiqh Council Journal, al-Majmak al-Fiqhi al-Islami: Rabitah al-Alam al-Islami*, 20(18), 407-408.
- Al-Majma' al-Fiqh al-Islami bi Rabitah al-'Alam al-Islami. (2002). Resolusi ke-6 mengenai Al-Adawiyah al-Musytilah 'ala al-Kuhul wa al-Mukhaddarat. *Islamic Fiqh Council Journal, al-Majma' al-Fiqh al-Islami: Rabitah al-'Alam al-Islami*, 15(13), 476-477.
- Al-Matrudi, A. A. A. (2008). *Tatbiq al-qawa'id al-fiqhiyyah 'ala al-masa'il al-tibbiyyah*.
- Al-Nasa'ie, A. A. S. (2001). *Sunan al-nasa'ie al-kubrā*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Nawawi, Y. S. (1991). *Rawdah al-talibin wa 'umda al-muftin*. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Nawawi, Y. S. (2010). *Al-Majmu' syarh al-muhadzab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Al-Qaradawi, Y. (1980). *Al-Halal wa al-haram fi al-Islam*. Damascus: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Ramli, M. A. A. (2003). *Nihayah al-muhtaj ila syarh al-minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sa'adi, A. R. (2012). *Taisir al-Quran al-Karim fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Suyuti, A. R. A. (2011). *Al-Asybah wa al-Naza'ir li al-Suyuti*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

- Al-Syarbini, M. A. (2006). *Mughni al-Muhtaj fi Hal al-Alfāz al-Minhaj*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al-Tayyar, A. M., Al-Matlaq, A. M., & Musa, I. (2011). *Al-Fiqh al-Muyassar*. Riyadh: Madar al-Wotoni al-Nasyr.
- Al-Zayla'iy, U. A. (1984). *Tabyin al-Haqaiq Syarh Kanz al-Daqaiq wa Hasyiyah al-Syalabi*. Kaherah: Al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyah.
- Al-Zuhayli, W. (2008). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Alias, M. N., Alia, N. A. R., Samsudin, M. A., & Kamis, M. S. (2020). Penghasilan vaksin yang mengandungi unsur najis menurut perspektif maqasid syariah. *Islamiyyat*, 42(1), 39-47. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-4201-05>
- Amateur Entomologists' Society. (1999). "Ootheca". <https://www.amentsoc.org/insects/glossary/terms/ootheca/>
- Amin Sabbu'ie. (2020). *Al-Istihalah wa al-Istihlak wa Tatbiqatuh al-Mu'asarah* [Master's thesis]. Kuliah 'Ulum Islamiyyah, University of El Oued, Algeria.
- Anis, I., Muntasir, A. H., Al-Sawalihi, A., & Ahmad, M. K. (2004). *Mu'jam al-Wasit*. Maktabah al-Syuruq al-Dawliyah.
- Arifim, Z. (2021). The implementation of dharûriyyât concept by Muslims traders in the Pemangkat market of Sambas Regency. *AL-ADALAH*, 18(2), 345-362.
- Azwar, Z., & Rinaldi, F. A. (2024). Consistency of the Indonesian Ulama Council in using istiṣlāḥ as a method for legal istinbath. *AL-ISTINBATH Jurnal Hukum Islam*, 9(1), 1-1. <https://doi.org/10.29240/jhi.v9i1.7680>
- Baharuddin, A. S., Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Ahmad, M. H., Muhammad Nawawi, M. A. A., Rahim, F., Wan Harun, M. A., & Faisal, M. S. (2021). Systematic analysis of insect-related themes in Al-Quran and Hadith as sources of evidence in human life. *Ulum Islamiyyah*, 33(2), 69-82. <https://doi.org/10.33102/uij.vol33no2.385>
- Basirat, F. R., & Inayat, A. (2024). Al-Istihalah fi al-Fiqh al-Islami wa Tatbiqah al-Mu'asirah. *International Journal of Cultural and Religious Studies*, 4(1), 45-54. <https://doi.org/10.32996/ijcrs>
- Britannica. (2024). "Grasshopper insect". <https://www.britannica.com/animal/grasshopper-insect>
- Committee, N. P. (2015). *Pharmacopoeia of the People's Republic of China* (pp. 188-189).
- Dahaman, M. A., & Mohd Yusof, Z. A. (2024). Kajian status kenajisan larva dan penggunaannya dalam makanan ternakan: Fatwa Negeri Perlis. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(2), 511-528. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol12no2.796>
- Dar al-Ifta' al-Misriyyah. (2023, May 23). "Fatawa Dar al-Ifta' - Al-Istihalah wa Atharuha fi Tathir al-Asyaa'". <https://www.dar-alifta.org>
- Dharmananda, S. (2004). "Sang Piao Xiao San, example of a mind-body formula". Institute for Traditional Medicine. <http://www.itmonline.org/arts/sangpiaoxiao.htm>
- EPA (U.S. Environmental Protection Agency). (1997). Consumer products. In *Exposure handbook*. Washington, DC.
- Fawaid, I., & Masruroh, F. (2020). Imunisasi menurut hukum Islam: Kontroversi imunisasi vaksin polio IPV injeksi yang mengandungi enzim babi. *Al-Hukmi: Jurnal Hukum Ekonomi Syariah dan Keluarga Islam*, 1(1), 1-16. <https://doi.org/10.35316/alhukmi.v1i1.737>
- Firmansyah, M., & Wijayam, M. H. (2024). Pengobatan dengan benda haram dalam persektif Islam. *AL-QIBLAH: Jurnal Studi Islam dan Bahasa Arab*, 3(3), 351-358. <https://doi.org/10.36701/qiblah.v3i3.1449>
- Ibn 'Asyur, M. T. (2015). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Qatar: Wizarah al-Auqaf.
- Ibn Abdul Salam, I. A. A. (1990). *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam* (Vol. 2). Beirut: Muassasah al-Rayyan.
- Ibn Abidin, M. A. U. (1992). *Rad al-Muhtar 'ala Dur al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hazm, A. A. S. (1928). *Al-Muhalla bi al-Athar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Ibn Majah, M. Y. (2007). *Sunan Ibn Majah*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Ibn Qudamah, A. M. (1995). *Al-Syarh al-Kabir*. Kaherah: Hajr li al-Tiba'ah.
- Ibn Qudamah, A. M. (1997). *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ibrahim, B. (2015). *Fatwa-fatwa berkaitan fiqh semasa di Malaysia*. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Snd. Bhd.
- Ibrahim, E. S., Babji, A. S., & Abd Ghani, M. (2019). *Sarang burung walet suatu dimensi baru*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Insektenliebe. (2018). "Everything you need to know about ootheca". <https://insektenliebe.com/en/everything-you-need-to-know-about-an-ootheca/>
- Ismail, S. K., Ahmad, R., & Salleh, S. F. (2018). Lotus birth method according to medicine and Maqasid Al-Syariah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 19(1), 180–193. <https://doi.org/10.37231/jimk.2018.19.0.320>
- Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. (1970, January 1). "Soal jawab agama: Hukum makan kumbang Mekah". <https://muftins.gov.my/soaljawab/hukum-makan-kumbang-mekah/>
- Jabatan Mufti Negeri Sarawak. (2014, November 20). "Sighah penjelasan hukum: Hukum memakan ulat mulong dan yang berkaitan dengannya". https://muftinegeri.sarawak.gov.my/web/subpage/news_view/156
- Jalil, N. N., Zakaria, Z., & Mohd Shoid, N. Z. (2019). Kesaksamaan prinsip-prinsip keselamatan produk sebagai sebahagian aspek halal dan tayyiban dengan prinsip-prinsip syariah. *Jurnal Syariah*, 27(3), 435–458. <https://doi.org/10.22452/js.vol27no3.2>
- Jamaludin, M. A. (2009). Teori istihalah menurut perspektif Islam dan sains: Aplikasi terhadap beberapa penghasilan produk makanan. *Jurnal Shariah*, 17(1), 169–194.
- Jamaludin, M. A., Ramli, M. A., & Abdullah, A. B. (2014). *Elemen najis dan kotoran dalam isu halal menurut Islam*, dalam buku *Isu Halal Kontemporari*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Jiang, F. (2021). "7 facts you should know about traditional Chinese medicine". China Highlights. <https://www.chinahighlights.com/travelguide/chinese-medicine/facts.htm>
- Joyre. (2021). "What is yin & yang in traditional Chinese medicine (TCM)?". <https://joyretcmdispa.com/yin-yang-in-tcm/>
- Kim, C. M., Shin, M. K., Ahn, D. K., & Lee, K. S. (2006). *Chinese medicine dictionary*. Jungdam: Seoul, Korea.
- Kim, H. Y., Lee, Y. J., Han, B. H., Yoon, J. J., Ahn, Y. M., Hong, M. H., Tan, R., Kang, D. G., & Lee, H. S. (2017). Mantidis ootheca induces vascular relaxation through PI3K/Akt-mediated nitric oxide-cyclic GMP-protein kinase G signaling in endothelial cells. *Journal of Physiology and Pharmacology*, 68(2), 215–221.
- Kochling, A. (2022). *Determining awareness and perception of traditional Chinese medicine in China and the United States* (Doctoral dissertation). Worcester Polytechnic Institute.
- Korea Institute of Oriental Medicine. (2016). "Defining dictionary for medicinal herbs". <http://boncho.kiom.re.kr/codex/>
- Kramer, K. J., Ong, J., Law, & J. H. (1973). Oothecal proteins of the oriental praying mantid, *Tenodera sinensis*. *Insect Biochemistry*, 3(11), 297–302. [https://doi.org/10.1016/0020-1790\(73\)90060-7](https://doi.org/10.1016/0020-1790(73)90060-7)
- Lim, H. S., Seo, Y. S., Ryu, S. M., Moon, B. C., Choi, G., & Kim, J. S. (2019). Two-week repeated oral dose toxicity study of mantidis ootheca water extract in C57BL/6 mice. *Evidence-based complementary and alternative medicine: eCAM*, 2019, 6180236. <https://doi.org/10.1155/2019/6180236>
- Mahaiyadin, M. H., & Osman, M. R. (2017). Kesan penerimaan aplikasi istihalah terhadap hukum produk yang mengandungi derivatif muharramat. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 10(1), 110–119. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol10no1.32>
- Mamat, Z. (2021). Istihalah in Malaysian fatwa: Istihalah dalam fatwa di Malaysia. *Journal of Fiqhiyyat*, 1(1), 30–38.
- Md Pauzi, N. (2016). *Analisis perbandingan penentuan piawaian halal antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei* [Unpublished PhD thesis]. Universiti Malaya.
- Mohamad, N. M. (2023). Teori istihalah dan istihlak sebagai instrumen penentuan hukum syarak: Theory of istihalah and istihlak as instruments for the determination of Islamic law. *Jamalullail Journal*, 2(2), 66–80.
- Mohd Aswadi, M. S., Md Sawari, M. F., Sitoris, M., & Baharuddin, A. S. (2021). Parameter al-Dhari'ah Menurut Perspektif Syari'ah: Parameter of al-dhari'ah from the perspective of shari'ah. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 2(2), 38–49. <https://doi.org/10.55265/almaqasid.v2i2.19>
- Mohd Kashim, M. I. A., Ab. Rahman, Z., Mohd Noor, A. Y., Md Sham, F., Hashim, N. A., Safiai, M. H., & Hamjah, S. H. (2020). Principles regarding the use of haram sources in modern food products: An Islamic perspective. *Journal of Critical Reviews*, 7(5), 1017–1024. <https://doi.org/10.31838/jcr.07.05.206>

- Mohd Safian, Y. H., Mohd Salleh, M. M., Abd Razak, A. Z., & Ahmad Hilmi, A. B. (2019). *Prinsip asas syariah dalam industri halal*. Penerbit USIM.
- Mohd Salleh, M. M., Ahmad, N. M., & Ahmad Fadzillah, N. (2020). Pewarna makanan dari serangga (Cochineal) menurut perspektif halal: Analisis fatwa di beberapa negara ASEAN: *Cochineal food coloring from halal perspective: A fatwa analysis in several ASEAN countries*. *Journal of Fatwa Management and Research*, 19(1), 1–14. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol19no1.1>
- Mohd Sukri, S. J., Mat Jubri, M., Ramli, M. A., Rohman, A., & Ahmad Fadzillah, N. (2022). A guideline of determination haram status of intentionally adding animal plasma in surimi products. *Sains Humanika*, 14(3), 29–47. <https://doi.org/10.11113/sh.v14n3.1950>
- Muslim, M. H. (2000). *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Mustapha, A. M., & Junoh, N. (2022). Konsep darurat dan kaedah-kaedah fihiyyah yang berkaitan dengan darurat: *The concept of darurat and the fiqh methods related to darurat*. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 69–90.
- National Centre for Complementary and Integrative Health (NCCIH). (2019, April). “Traditional Chinese medicine: What you need to know”. <https://www.nccih.nih.gov/health/traditional-chinese-medicine-what-you-need-to-know>
- Noh, S., Kim, W. J., Cha, J. M., Choi, G., Yang, S., Song, J. H., & Moon, B. C. (2024). Rapid diagnostic PCR assay method for species identification of Mantidis Ootheca (Sangpiaoxiao) based on cytochrome C oxidase I (COI) barcode analysis. *PubMed*, 25(18), 1–12. <https://doi.org/10.3390/ijms251810224>
- NPRA (National Pharmaceutical Regulatory Agency). (2018). *Guideline on regulatory control of active pharmaceutical ingredients*. Malaysia: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Nurjayanti, E. D. (2011). Budidaya ulat sutera dan produksi benang sutera melalui sistem kemitraan pada pengusaha sutera alam (PSA) Regaloh Kabupaten Pati. *Jurnal Ilmu-Ilmu Pertanian*, 7(2), 1–10.
- Othman, R., Man, S., & Baharuddin, M. (2018). Isu-isu halal dalam aplikasi bioteknologi terhadap produk farmaseutikal terpilih. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 19(1), 74–90.
- Park, G., Moon, B. C., & Lim, H. (2020). Effects of 14 Chung-Bu medicinal materials described in the Dongui Bogam on inflammatory cytokines production in Hacat keratinocytes. *J. Soc. Cosmet. Sci. Korea*, 46, 195–204.
- Pelita Brunei. (2015, July 29). “Irsyad hukum: Bahan ramuan makanan bersumber daripada serangga: Adakah halal dimakan?”. <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Agama/NewDisplayForm.aspx?ID=219&ContentTypeId=0x0100F6D57A3EFF61B0428F673FEADAB5CF1E>
- Qalyubi, A. A. S., & Umairah, A. B. (2015). *Hasyiyata Qalyubi wa Umairah*. Kaherah: Dar al-Taufiqiyah.
- Quoquab, F., Md Husin, M., Basiruddin, R., & Mohamed, A. (2023). Traditional Chinese medicine (TCM) in Malaysia: An alternative approach to treatment. *Sustainability and Social Marketing Issues in Asia*, 85–97. <https://doi.org/10.1108/978-1-80071-845-620231006>
- Ryu, S. M., Nam, H. H., Kim, J. S., Song, J. H., Seo, Y. H., Kim, H. S., Lee, A. Y., Kim, W. J., Lee, D., Moon, B. C., & Lee, J. (2021). Chemical constituents of the egg cases of Tenodera angustipennis (Mantidis Ootheca) with intracellular reactive oxygen species scavenging activity. *Biomolecules*, 11(556), 1–10. <https://doi.org/10.3390/biom11040556>
- Samarasinghe, K., & Waisundara, V. Y. (2020). *Therapeutic properties and anti-lipidemic activity of Cordyceps Sinensis*. IntechOpen.
- Song, J. H., Cha, J. M., Moon, B. C., Kim, W. J., Yang, S., & Choi, G. (2020). Mantidis Oötheca (Mantis egg case) original species identification via morphological analysis and DNA barcoding. *Journal of Ethnopharmacology*, 252(8). <https://doi.org/10.1016/j.jep.2020.112574>
- Sungit, F., & Mohd Deni, M. I. (2022). *Fiqh kepenggunaan dalam konteks kelestarian kehidupan: Satu soroton awal menurut perspektif Maqasid Syariah*. In Proceeding of the 6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (pp. 201–212).
- Tan, Z., Lei, Y., Zhang, B., & Huang, L. (1997). Comparison of pharmacological studies on Ootheca Mantidis. *Journal of the Chinese Medical Association*, 22(8), 496–499.
- The Islamic Medical Organization for Medical Sciences (IOMS). (1995, May). “Resolusi Persidangan Fiqh Perubatan Kali ke-8 mengenai penggunaan bahan-bahan haram dan najis dalam makanan

- dan ubatan oleh IOMS yang berlangsung di Kuwait". <http://www.islamset.com/arabic/abioethics/muharamat.html>
- Thomas, W. L., Hinsley, A., Bergin, D., Burgess, G., Doughty, H., Eppel, S., MacFarlane, D., Meijer, W., Lee, T. M., Phelps, J., & Smith, R. J. (2021). Motivations for the use and consumption of wildlife products. *Conservation Biology*, 35(2), 483–491.
- Wan Ismail, W. A. F., Mohamed Ramli, N., Nik Saleh, N. S. S., Ramli, H., Halib, N., Ahmad Tarmidzi, N. A., Abdul Ghaffar, N. A., Ahmad, Shofian, & Mochammad Sahid, M. (2015). Klef orofasial: Panduan prinsip fiqah dalam perancangan rawatan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 10, 19–35. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.10.1.106>
- Wan Zaharudin, W. M., Sungit, F., Azizan, N. I., & Abd. Mutalib, S. (2021). Penggunaan enzim transglutaminase sebagai sumber makanan halal menurut kerangka Maqasid Syariah: The use of transglutaminase enzyme as a halal food source in the light of Maqasid Shariah framework. *Journal of Muwafaqat*, 4(1), 61–80. <https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal/article/view/8>
- Wang, C. (2019). "Yang in traditional Chinese medicine". <https://www.amcollege.edu/blog/yin-and-yang-in-traditional-chinese-medicine>
- Wen, L. L., Wan, D. G., Ren, Y., Li, J. D., & Guo, J. L. (2013). Corresponding relationship between mantis and Mantidis Oötheca (Sangpiaoxiao). *PubMed*, 38(7), 966–968.
- Wikipedia. (2023). "Sang Piao Xiao". https://en.wikipedia.org/wiki/Sang_piao_xiao
- Xu, A. (2014). Beginning a long march. *Journal of Traditional Chinese Medical Sciences*, 1(1), 1–2.
- Xu, L., Zhang, X., Guo, H., Yang, X., Xing, Z., Yang, W., Zhang, J., & Tian, X. (2022). Species diversity analysis of commercial Mantidis Oothea samples contaminated by store pests based on DNA metabarcoding. *BMC Genomics*, 23(720), 1-10. <https://doi.org/10.1186/s12864-022-08955-1>
- Xue, P., Zhan, T., Yang, G., Farella, G. M., Robinson, N., Yang, A. W., & Liu, J. (2015). Comparison of Chinese medicine higher education programs in China and five Western countries. *Journal of Traditional Chinese Medical Sciences*, 2(4), 227–234.
- Yang, S. (1998). *The Divine Farmer's Materia Medica: A translation of The Shen Nong Ben Cao Jing*. Blue Poppy Enterprises.
- Zadah, Q., & Ahmad, S. (2002). *Takmilah Syarh Fath al-Qadir 'ala al-Hidayah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.